

ANALISIS PEMIKIRAN FAWZIA AL-^cASHMĀWĪ
DALAM BUKU AL-MAR'AH FĪ KHIṬAB AL-
QURĀN

MUHAMMAD SYAKIRIN BIN MOHAMED HARIS

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ANALISIS PEMIKIRAN FAWZIA AL-^ʿASHMĀWĪ DALAM BUKU AL-MAR'AH
FĪ KHIṬAB AL-QURĀN

MUHAMMAD SYAKIRIN BIN MOHAMED HARIS

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN ISLAM (USULUDDIN DAN FALSAFAH)

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2026

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satu yang dinyatakan telah saya jelaskan dengan sumbernya.

10 Mac 2026

MUHAMMAD SYAKIRIN BIN MOHAMED HARIS
P118501

	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS / DISERTASI SELEPAS PEMBETULAN <i>Form and Check List of Amended Thesis / Dissertation Submission</i>		

Nama dan Cap Rasmi:
Name and Official Stamp

**G. PERAKUAN TESIS/ DISERTASI SARJANA / DOKTOR FALSAFAH
(CERTIFICATION OF MASTERS / DOCTORAL THESIS / DISSERTATION)**

Nama penuh pengarang (Author's Full Name)	MUHAMMAD SYAKIRIN BIN MOHAMED HARIS		
No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.)	P118501	Sesi Akademik (Academic Session)	2021/2022
Tajuk Tesis / Disertasi (Thesis / Dissertation Title)	ANALISIS PEMIKIRAN FAWZIA AL - 'ASHMĀWĪ DALAM BUKU AL-MAR'ĀH FĪ KHITĀB AL-QURĀN		

Semua tesis/disertasi dan penerbitan mengenai hasil penyelidikan pelajar adalah tertakluk kepada Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia.

All theses/ dissertations and publications relating to the research work of a student are subject to the Intellectual Property Policy of Universiti Kebangsaan Malaysia.


Saya mengaku bahawa tahap akses tesis/disertasi ini sebagai (*Tandakan ✓ dalam kotak bagi maklumat yang berkaitan; tandakan satu (1) kotak di bawah sahaja):

I hereby declare the level of access for this thesis/dissertation as follows (tick ✓ the relevant box below; tick only one option).

Pilihan Tahap Akses Access Level Selection		Tafsiran Tahap Akses Tesis/Disertasi Definition of Thesis/Dissertation Access Level
☐	RAHSIA (CONFIDENTIAL)	Mengandungi maklumat rahsia sepertimana yang diperuntukan bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains classified information as stipulated under the Official Secrets Act 1972.</i>
☒	TERHAD (RESTRICTED)	Mengandungi maklumat yang hanya boleh diakses oleh pihak yang mempunyai kebenaran atau keperluan tertentu untuk mengetahuinya yang ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan. <i>Contains information that may only be accessed by parties with specific authorization or a defined need to know, as determined by the organization or body where the research is conducted.</i>
☐	AKSES TERBUKA (OPEN ACCESS)	Tesis/disertasi versi akhir dalam format PDF yang boleh diakses secara percuma secara dalam talian dan bebas dari isu hak cipta dan pelesenan <i>The final version of the thesis/dissertation in PDF format that is freely accessible online and free from copyright and licensing issues.</i>

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS / DISERTASI SELEPAS PEMBETULAN Form and Check List of Amended Thesis / Dissertation Submission		

		Kementerian Pendidikan Tinggi melalui surat bertarikh 27 Mac 2025 memutuskan bahawa kebenaran akses tesis / disertasi dalam borang serahan akses terbuka ditentukan oleh penyelia (bukan pelajar). <i>The Ministry of Higher Education, through a letter dated 27 March 2025, has decided that permission for thesis / dissertation access in the open access submission form shall be determined by the supervisor (not the student).</i>
☐	EMBARGO	Tempoh masa di mana akses kepada tesis/disertasi disekat (ditutup) selama dua (2) tahun atas sebab-sebab tertentu sebagai contoh kerahsiaan atau hak cipta. Tesis/disertasi akan berstatus akses terbuka selepas tamat tempoh <i>embargo</i>. <i>The period during which access to the thesis/dissertation is restricted for two (2) years due to specific reasons, such as confidentiality or copyright. The thesis/dissertation will be granted open-access status upon the expiry of the embargo period.</i>

PENGESAHAN PELAJAR (STUDENT VERIFICATION)	PENGESAHAN PENYELIA (SUPERVISOR VERIFICATION)
 TANDATANGAN PELAJAR (STUDENT'S SIGNATURE)	 TANDATANGAN PENYELIA / Pengerusi JK SISWAZAH (SUPERVISOR'S / CHAIRPERSON SUPERVISION COMMITTEE SIGNATURE)
Nama Pelajar (Student name): MUHAMMAD SYAKIRAN No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.): BIN MUHAMMED HARUS P118501 Tarikh: 5 Mac 2026 (Date)	Nama Penyelia / Pengerusi JK Siswazah : Prof. Dr. Mazlan bin Ibrahim (Supervisor's / Chairperson Supervision Committee Name) PROF DR MAZLAN IBRAHIM Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia 43600, Bangi, Selangor. Tarikh: 5 Mac 2026 (Date)

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Segala puji-pujian hanya bagi Allah SWT Tuhan semesta alam atas segala urusan dunia dan akhirat. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat sekalian alam, keluarga, para sahabat Baginda SAW dan para tabiin serta orang-orang yang mengikuti jejak langkah Baginda SAW hingga hari Kiamat. Kesyukuran tidak terhingga dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat, hidayah serta pertolongan daripada Allah SWT yang telah menganugerahkan semangat dan kesabaran berterusan untuk menyiapkan kajian ini.

Tanpa komitmen dan sokongan berterusan daripada semua pihak sudah tentu tesis ini tidak mampu dihasilkan. Kesempatan ini pertama dan utama, saya ingin menitipkan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia yang saya hormati, Prof. Madya Dr. Mazlan Ibrahim dan Prof. Madya Dr. Ahmad Yunus atas bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan yang amat saya hargai sepanjang di bawah penyeliaan mereka. Terima kasih juga kepada Dr. Husayn al-Na'iri, seorang tokoh yang amat saya kasihi dan hormati. Beliau merupakan pensyarah saya di Universiti al-Azhar, walaupun saya sudah berada di Malaysia, beliau terus memberi tunjuk ajar dan berkongsi pandangan khususnya berkaitan pentafsiran al-Quran.

Ucapan setinggi penghargaan tidak lengkap tanpa melibatkan individu yang telah banyak membantu saya sepanjang proses penulisan ini, antaranya pensyarah-pensyarah dan kakitangan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia khususnya daripada Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah.

Setulus penghargaan diberikan seluruh keluarga tersayang, khas untuk Ayahanda tersayang Mohamed Haris bin Abd Ghafar, Bonda tercinta Sarimah binti Ithnain dan juga tidak ketinggalan adik Nur Badriah yang senantiasa memberi semangat dan menitipkan doa kepada saya. Tidak dilupakan juga setinggi penghargaan kepada sahabat seperjuangan Nurul Khalis yang membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Semoga Allah membalas segala kebaikan kalian.

Akhir kata, saya memohon maaf atas segala salah silap dan sebarang kekurangan yang terdapat menerusi kajian ini. Mudah-mudahan usaha kecil dengan kandungan tesis ini, dapat memberi manfaat kepada pembaca yang mencintai ilmu. Wallahualam.

ABSTRAK

Perkembangan pengkajian tafsir al-Quran kini berhadapan dengan cabaran interpretasi yang dipengaruhi oleh ideologi liberalisme. Fenomena ini memperlihatkan kecenderungan penggunaan kaedah hermeneutik bagi menggantikan disiplin ilmu tafsir sehingga menimbulkan kekeliruan terhadap ketetapan hukum syarak. Senario ini dapat diperhatikan dalam karya *al-Mar'ah fī Khitāb al-Qurān* tulisan Fawzia al-^cAshmāwī, seorang sarjana sastera yang menerapkan pendekatan linguistik ke dalam wacana agama. Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis latar belakang intelektual tokoh dan kandungan buku beliau yang berjudul *al-Mar'ah fī Khitāb al-Qurān*. Selain itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti bentuk tafsiran dan hujah dalam naskhah berkenaan, seterusnya mengemukakan penghujahan balas terhadap tafsiran yang dikesan tidak selari dengan pentafsiran ulama yang sahih. Kajian menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah analisis kandungan dan komparatif bagi membandingkan hujah tokoh dengan pandangan ulama terdahulu. Data primer diperoleh daripada kitab *al-Mar'ah fī Khitāb al-Qurān*, manakala data sekunder melibatkan rujukan karya ulama terdahulu dan pandangan pakar sarjana Islam dari pelbagai bidang. Hasil kajian mendapati bahawa pentafsiran Fawzia al-^cAshmāwī berteraskan pendekatan Hermeneutik yang menghubungkan konteks sejarah dan realiti sosial. Analisis membuktikan wujudnya kebergantungan kepada pertimbangan akal sehingga menyetepikan sumber wahyu, khususnya dalam menghuraikan isu hijab, poligami, pernikahan ahli kitab dan nusyuz. Hal ini mengakibatkan terhasilnya tafsiran yang merombak ketetapan hukum syarak demi menyelaraskan hujah dengan aliran kemodenan dan feminisme. Implikasi kajian ini mampu memberi pendedahan kepada masyarakat awam tentang kecelaruan tafsiran golongan liberal dalam memahami dan mentafsirkan ayat al-Quran. Selain itu, kajian ini dapat digunakan oleh pihak berkuasa untuk membendung penuluran fahaman sesat dan ideologi menyeleweng yang disebarkan menerusi buku yang terdapat di pasaran. Secara keseluruhannya, usaha ini menyumbang kepada pemeliharaan pentafsiran al-Quran daripada pengaruh pemikiran asing yang tidak selari dengan prinsip Islam.

FAWZIA AL-ASHMĀWĪ'S THOUGHT IN THE BOOK AL-MAR'AH FĪ AL-KHIṬĀB AL-QURĀN

ABSTRACT

The contemporary landscape of Quranic exegesis is increasingly confronted by interpretative challenges stemming from liberal ideologies. This phenomenon is characterized by the substitution of traditional exegetical disciplines with hermeneutic frameworks, consequently obscuring established Sharia rulings. Such a trajectory is exemplified in *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān* by Fawzia al-ʿAshmāwī, a literary scholar who integrates a linguistic approach into religious discourse. This research aims to analyze the author's intellectual background and the content of her book, *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*. Additionally, it seeks to examine the interpretative discourses and arguments presented within the text, subsequently offering counterarguments against interpretations that diverge from authentic scholarly perspectives. The study employs a qualitative design, utilizing content analysis and comparative methods, to contrast the author's arguments with classical scholarly views. Primary data are obtained from the book *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*, while secondary data involve references from classical Islamic literature and perspectives from scholars across various disciplines. The study finds that Fawzia al-ʿAshmāwī adopts a hermeneutic framework that bridges historical contexts and social realities within her interpretations. The analysis shows a reliance on rational reasoning that sidelines transmitted sources in explaining the issues of hijab, polygamy, interfaith marriage with the People of the Book, and nusyuz. This leads to views that reconfigure authoritative Sharia rulings to align arguments with modernism and feminism. The outcomes of this study provide the public with critical exposure to the interpretative discrepancies arising from liberal approaches to understanding and elucidating Quranic verses. Furthermore, this research can be utilized by authorities to address the dissemination of heterodox and contentious ideologies circulating in the literary market. Overall, this work contributes to safeguarding the integrity of Quranic exegesis from external ideological influences that are incompatible with Islamic principles.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI ILUSTRASI	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI ISTILAH	xii
JADUAL TRANSLITERASI	xiii
 BAB I	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Metodologi Kajian	11
1.6.1 Reka Bentuk Kajian	12
1.6.2 Kaedah Pengumpulan Data	13
1.6.3 Kaedah Analisis Data	13
1.7 Limitasi Kajian	14
1.8 Kerangka Teoretikal Dan Konseptual	15
1.8.1 Kerangka Teoretikal	15
1.8.2 Kerangka Konseptual	19
1.9 Kajian Literatur	20
1.9.1 Pendekatan Hermeneutik dan Isu Feminisme dalam Pentafsiran al-Quran	20
1.9.2 Analisis terhadap Penyimpangan dalam Pentafsiran al-Quran	21
1.9.3 Manhaj <i>Uṣūl Al-Tafsīr</i> dalam Menilai Penyelewengan Pentafsiran al-Quran	22
1.10 Signifikan Kajian	26

1.11	Definisi Operasi	27
1.12	Kesimpulan	28
BAB II	Pengenalan Fawzia al-^cAshmāwī dan Buku <i>AL-MAR'AH FĪ KHIṬĀB AL-QURĀN</i>	
2.1	Pengenalan	29
2.2	Biodata Fawzia al- ^c Ashmāwī	29
2.2.1	Latar Belakang Fawzia al- ^c Ashmāwī	30
2.2.2	Pendidikan dan Kerjaya	30
2.2.3	Sumbangan	32
2.2.4	Karya Penulisan dan Penterjemahan	33
2.3	Sorotan Kitab <i>al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān</i>	36
2.3.1	Pengenalan Kitab	36
2.3.2	Kandungan Buku	37
2.3.3	Faktor dan Tujuan Penulisan Buku	39
2.3.4	Rujukan Buku	40
2.4	Kaedah Pentafsiran Fawzia al- ^c Ashmāwī dalam <i>al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān</i>	45
2.4.1	Konsep Kaedah dan Pentafsiran	45
2.4.2	Kaedah Tafsir Ulama Tafsir	47
2.4.3	Kaedah Tafsiran Fawzia al- ^c Ashmāwī	49
2.5	Kesimpulan	53
BAB III	ANALISIS PEMIKIRAN FAWZIA AL-^cASHMĀWĪ MENGENAI ISU HIJAB DAN POLIGAMI	
3.1	Pengenalan	55
3.2	Tafsiran Hijab Menurut Fawzia al- ^c Ashmāwī	55
3.2.1	Isu Lafaz Hijab dalam al-Quran	56
3.2.2	Tafsiran Surah al-Ahzab Ayat 59	61
3.2.3	Tafsiran Surah al-Nur Ayat 31	66
3.3	Jawapan Isu Hijab	68
3.3.1	Jawapan terhadap Kekeliruan Penggunaan Lafaz Hijab	68
3.3.2	Kritikan terhadap Tafsiran Surah al-Ahzab Ayat 59	74
3.3.3	Kritikan terhadap Tafsiran Surah al-Nur Ayat 31	88
3.4	Tafsiran Poligami Menurut Fawzia al- ^c Ashmāwī	96
3.4.1	Isu Pemahaman mengenai Ayat Poligami	97
3.5	Jawapan Isu Poligami	99

3.5.1	Jawapan terhadap Kekeliruan Kefahaman Ayat Poligami	99
3.6	Kesimpulan	110

BAB IV ANALISIS PEMIKIRAN FAWZIA AL-^cASHMĀWĪ BERKAITAN ISU PERNIKAHAN AHLI KITAB DENGAN WANITA MUSLIMAH DAN NUSYUZ

4.1	Pengenalan	113
4.2	Tafsiran Pernikahan Antara Wanita Muslimah dan Ahli Kitab Menurut Fawzia al-Ashmāwī	113
4.2.1	Isu Pemahaman mengenai Kedudukan Ahli Kitab	117
4.3	Jawapan Isu Pernikahan Antara Wanita Muslimah dan Ahli Kitab	119
4.3.1	Menyanggah Kesamaran berhubung Kedudukan Ahli Kitab	122
4.3.2	Menjawab Kesamaran Pernikahan antara Wanita Muslimah dan Lelaki Ahli Kitab	125
4.4	Tafsiran Nusyuz Menurut Fawzia al- ^c Ashmāwī	131
4.5	Jawapan Isu Nusyuz	136
4.5.1	Menyanggah Kesamaran berhubung Nusyuz	136
4.5.2	Menjawab Kesamaran Ayah al-Ḍarb	143
4.6	Kesimpulan	150

BAB V PENUTUP

5.1	Pengenalan	152
5.2	Rumusan Keseluruhan Kajian	152
5.2.1	Metodologi Pentafsiran dan Pengaruh Pemikiran	152
5.2.2	Analisis Penghujahan Balas Terhadap Isu Utama	153
5.3	Implikasi Kajian	157
5.4	Cadangan Kajian	158
5.5	Kesimpulan	160

RUJUKAN 163

Lampiran A	Buku <i>al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān</i>	173
Lampiran B	Fawzia al- ^c Ashmāwī Penulis Buku <i>al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān</i>	174

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 2.1	Karya tulisan Fawzia al- ^c Ashmāwī dalam Bahasa Arab	34
Jadual 2.2	Karya tulisan Fawzia al- ^c Ashmāwī dalam Bahasa Perancis	34
Jadual 2.3	Karya terjemahan Fawzia al- ^c Ashmāwī	35



SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah	Halaman
Rajah 1.1 Kerangka Kerja Konseptual	19




SENARAI SINGKATAN

AS	Alaihissalam
et al.	Dan lain-lain
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JIL	Jaringan Islam Liberal
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
QEK	Al-Quran Edisi Kritis
RA	Radiallahuanhu/ Radiallahuanha
SAW	Sallallahu Alaihi Wasallam
SIS	Sisters In Islam
SWT	Subhanahuwataala
UNESCO	Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu
ICESCO	Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam
Ph.D	Doktor Falsafah

SENARAI ISTILAH

<i>Āyah al-darb</i>	Ayat al-Quran Surah An-Nisaa' 34 yang membincangkan tindakan memukul (<i>darb</i>) sebagai langkah terakhir dalam mendidik isteri yang nusyuz
<i>Kuffār</i>	Merujuk kepada golongan orang kafir, iaitu individu atau kelompok yang menolak kebenaran risalah Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW
<i>Madanī</i>	Ayat atau surah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW selepas peristiwa hijrah ke Madinah
<i>Makkī</i>	Ayat atau surah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebelum peristiwa Hijrah ke Madinah
<i>Uṣūl al-tafsīr</i>	Disiplin ilmu yang menghuraikan prinsip, asas dan kaedah yang perlu dipatuhi semasa mentafsir al-Quran



JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	ḥ	حديث	ḥadith
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	raḥman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamir
ط	ṭ	طاهر	ṭahir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	ʿ	عبد	ʿabd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qaḍi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmar
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habata
و	w	وصل	wasal
ي	y	يسار	yasar

Vokal

Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ	a	فَعَلَ	fa‘ala
اِ	i	حَسِبَ	hasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ ، اِ ، اِوْ	a	كاتب ، قاضي	katib, qada
يِ	i	كريم	karim
وِ	u	حروف	huruf

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَوْ	aw	قول	qawl
اَيِ	ay	سيف	sayf
يِوْ	iyy	رجعي	raj‘iyy, raj‘i
اُوْ	uww	عدو	‘aduww, ‘adu

Perkecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada ‘a’ bukan kepada ‘. Contoh: أكبر , transliterasi: *akbar* bukan ‘*akbar*.
2. Huruf Arab ة (ta’ marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’. Contohnya: وزارة التعليم , transliterasi: *wizarat al-ta‘lim*, bukannya *wizarah al-ta‘lim*. Tetapi seandainya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta’ marbutah ditransliterasikan kepada h.

Contoh	Transliterasi
1. المكتبة الأهلية	al-Maktabah al-Ahliyyah
2. قلعة	qal‘ah
3. دار وهبة	Dar Wahbah

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini memulakan perbincangan dengan memberi gambaran awal tentang kajian yang akan dilaksanakan dalam beberapa bahagian. Perkara asas dan utama yang dibincangkan dalam kajian ini ialah latar belakang kajian dan pernyataan masalah. Latar belakang membentangkan isu-isu yang relevan, manakala pernyataan masalah menerangkan isu yang akan diselesaikan. Bab ini turut membincangkan persoalan, objektif, metodologi, limitasi, kerangka teoretikal dan konseptual serta sorotan literatur. Ia turut menyentuh signifikan kajian, definisi operasi secara terperinci dan diakhiri dengan kesimpulan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kitab suci al-Quran yang merupakan firman Allah SWT telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, berperanan sebagai sumber rujukan utama kepada umat Islam. Al-Quran ialah khazanah ilmu pengetahuan yang menghimpunkan sumber perundangan, akidah dan akhlak untuk menjadi rujukan dalam kehidupan manusia. Selari dengan peranan al-Quran sebagai sumber ajaran Islam, kitab suci ini dijamin oleh Allah SWT. Oleh itu, kesucian dan isi kandungannya tidak akan disentuh oleh sebarang perubahan.

Al-Quran merupakan mukjizat bersifat kekal yang disampaikan secara berperingkat kepada Baginda SAW. Mukjizat al-Quran terserlah melalui redaksi dan keindahan sasteranya yang tidak dapat ditandingi oleh sasterawan sepanjang zaman. Pengetahuan tentang balaghah dan *ijāz* akan membantu seseorang mendalami seni bahasa al-Quran (Muhamad Zaidi et al. 2019). Kendatipun begitu, terdapat sebahagian ayat al-Quran bersifat *mutashābih* (kurang jelas) yang memerlukan penjelasan. Dalam

menghuraikan ayat *mutashābih*, beberapa kaedah dan aturan yang tepat diperlukan bagi mengelakkan penyelewengan dalam memahami objektif dan makna sebenar al-Quran.

Dalam memenuhi tuntutan tersebut, Rasulullah SAW ditugaskan menjelaskan ayat al-Quran kepada para sahabat berpandukan wahyu daripada Allah SWT. Penjelasan yang diberikan oleh baginda merupakan sunah yang menjadi sumber dalam pentafsiran. Para sahabat amat menitikberatkan dalam memastikan ajaran al-Quran difahami dengan sahih. Lantaran itu, kaedah pengajian al-Quran para sahabat dijalankan secara terperinci. Hal ini disokong oleh al-Qattan (1995) dalam kitab *Mabāhiṭh fī ‘Ulūm Al-Qur’ān*, yang menukilkan riwayat Abdul Rahman Al-Silmī menyebutkan bahawa apabila para sahabat mempelajari sepuluh ayat al-Quran mereka tidak melangkah ayat seterusnya hanya selepas mereka memahami dan beramal dengannya.

Menelusuri pula sejarah pentafsiran al-Quran, ilmu tafsir dilihat semakin berkembang menerusi tabiin dan generasi berikutnya. Menurut al-Dhahabi (2000) dalam kitab *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, perkembangan itu dibuktikan melalui pembinaan pusat madrasah di sekitar wilayah Islam dan usaha pembukuan kitab tafsir. Usaha pentafsiran ini giat dijalankan dari pelbagai lapangan ilmu mengikut kepakaran ahli tafsir.

Biarpun begitu, selari dengan perkembangan keilmuan Islam, para mufasssir mula mengabaikan batasan disiplin ilmu tafsir. Hal ini berdasarkan faktor seperti pengambilan sumber rujukan tidak berpandukan al-Quran dan sunah (Isam & Jamal Mahmud 1999) dan sumber riwayat serta sanad telah diperincikan (Nur Zainatul Nadra Zainol & Latifah Abdul Majid 2012). Natijahnya keadaan ini membawa kepada penyerapan unsur tidak asli dan kemasukan rekaan, sehingga muncul fenomena *al-dakhīl* dalam pentafsiran al-Quran.

Secara umumnya, fenomena tersebut mempengaruhi penyelewengan tafsir al-Quran. Jika dilihat dari sudut makna etimologi dalam Kamus Dewan Perdana (2021), penyelewengan berasal dari kata nama seleweng yang meliputi maksud memesongkan sesuatu, pengeliruan dan penyimpangan. Penyelewengan secara istilah pula bermaksud

perbuatan menyimpang dari arah yang betul atau memisahkan daripada hakikat pengajaran agama (Salmiah Jabbar et al. 2021).

Dari sudut istilah ulama klasik, Fakhr al-Din al-Razi (1981) menyebutkan dalam kitab *Mafātīḥ al-Ghayb* bahawa penyelewengan tafsir adalah sesuatu yang menyimpang daripada kebenaran atau perbuatan mengubah sesebuah makna perkataan daripada maksud asalnya. Dalam konteks kontemporari, Tengku Intan Zarina & Mazlan (2017) menjelaskan bahawa penyelewengan dalam pentafsiran al-Quran merupakan pentafsiran yang bercanggah dengan kaedah asas linguistik Bahasa Arab. Selain itu, ia dicirikan oleh sikap tidak berpegang pada ilmu yang melayakkan diri dalam mentafsir al-Quran, sebaliknya mengutamakan hawa nafsu tanpa mengikut adab sebagai mufassir. Oleh sebab itu, dapatlah dirumuskan bahawa punca penyelewengan dalam pentafsiran adalah individu yang tidak memenuhi syarat pentafsir dan merangkumi segala perbuatan mempermainkan kalam Allah SWT.

Menyingkap penjelasan oleh Ibrāhīm Abd Raḥmān (2018) merumuskan bahawa sejarah kemunculan penyelewengan ke dalam tafsir al-Quran berlaku lebih awal sejak penurunan al-Quran. Beliau menegaskan kecenderungan ini didorong oleh dua perkara, kebencian penduduk musyrikin Mekah terhadap dakwah Islam dan sebahagian golongan ahli kitab yang berpura-pura menganut agama Islam hanya untuk memesongkan akidah umat Islam. Seterusnya dari aspek ini, menjadi pendorong berlakunya penyebaran riwayat palsu dan riwayat Israiliyat yang bertentangan dengan al-Quran.

Beralih pandangan ke dalam konteks gejala penyelewengan tafsir al-Quran di Malaysia, cabaran yang berlaku adalah pengubahan makna ayat al-Quran yang dikesan menerusi isu penerbitan terjemahan al-Quran. Kebergantungan mufassir mentafsir al-Quran hanya berpandukan teks terjemahan berpotensi menyebabkan salah tafsir terhadap maksud sebenar ayat al-Quran. Pada tahun 2023, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memutuskan untuk melarang menerbit dan mengedarkan terjemahan ayat al-Quran tanpa menyertakan teks Bahasa Arab. Keputusan oleh Badan Kerajaan ini diputuskan sebagai langkah mencegah dari berlakunya perubahan maksud yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam memahami al-Quran (Muzakarah

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia 2023). Hal ini kerana secara kebiasaan, terjemahan al-Quran sekadar menampilkan wadah makna ayat kepada pembaca tanpa meliputi unsur hukum yang terkandung dalamnya.

Perkembangan polemik penyelewengan tafsir al-Quran dilihat semakin rancak apabila dikaitkan dengan tafsiran Islam Liberal yang dipelopori oleh pemikir Islam yang mendukung fahaman liberalisme. Perkara yang sama berlaku apabila penyelewengan ini menembusi Pendidikan Islam melalui usaha mengintegrasikan prinsip syariah dengan pandangan liberal Barat (Ahmad Handhalas Shamsuddin et al. 2024). Polemik ini timbul disebabkan mereka sering melakukan pentafsiran secara ijtihad yang menyeleweng (*tafsīr bi al-ra'y madhmūm*) yang mendorong kepada tafsiran menyimpang daripada makna sebenar al-Quran (al-Khalidi 2008). Menurut Khalif Muammar (2018) ancaman pemikiran songsang liberalisme adalah sebuah kepercayaan pembebasan untuk melonggarkan cara hidup manusia daripada cengkaman agama. Penganut fahaman tersebut, menggunakan rasional akal sebagai tunjang utama untuk memahami persoalan agama, sehingga kebenaran setiap tafsiran bersifat relatif.

Ideologi liberalisme adalah sebuah serangan pemikiran terhadap umat Islam yang berasal dari tradisi pemikiran Barat yang sekular. Oleh sebab itu, tafsiran Islam Liberal perlu diberi perhatian seiring dengan perkembangan bidang kajian tafsir al-Quran. Dalam konteks masyarakat di Malaysia, fenomena songsang seperti tafsiran liberal ini sudah pasti memberi impak negatif kepada keharmonian masyarakat Islam disebabkan terdapat unsur penyelewengan dan percanggahan dengan pentafsiran ulama tafsir yang muktabar. Tambahan pula, kekurangan perbincangan hukum fikah wanita secara komprehensif dalam lingkungan kajian tempatan dan penulisan kajian akademik semasa terutamanya dalam menjawab salah tafsir fahaman Islam Liberal masih kurang diketengahkan.

Kumpulan pemikir liberal menyasarkan pelbagai isu untuk mengelirukan masyarakat Islam yang menyangkut pelbagai tema pengajian Islam. Isu-isu yang dimaksudkan termasuk pluralisme dalam teologi (akidah) (Atabik Luthfi 2004), hijab wanita (Monika Munirah et al. 2022), penolakan pelaksanaan hukum hudud dan

emansipasi wanita (Muhibudin 2004). Manakala serangan Islam Liberal terhadap ilmu tafsir adalah melalui penerapan teori kajian *Bible* ke dalam dasar epistemologi dan metodologi usul tafsir. Contohnya ialah seorang pemikir muslim kontemporari, Naṣr Ḥāmid Abū Zayd¹ semasa menginterpretasi al-Quran. Kecenderungan beliau mengasosiasikan teks al-Quran dengan teori Hermeneutik dengan melakukan kritikan sejarah dan sastera untuk memahami maksud teks tanpa terikat dengan konsep ilmu *nasakh wa mansūkh* dan *asbāb al-nuzūl*, yang mengakibatkan timbulnya kekeliruan kepada umat Islam bahawa al-Quran adalah sebuah produk budaya.

Seperkara lagi, liberalisasi dalam pentafsiran al-Quran dilihat membawa tiga pembaharuan terhadap kerangka (*framework*) ilmu tafsir sedia ada, pertama, membangunkan aliran tafsir Hermeneutik sebagai alat untuk memahami isi kandungan al-Quran. Kedua, mengemukakan idea pentafsiran semula nas al-Quran yang bersifat merombak hukum syariat Islam. Ketiga, menggabungkan kajian tafsir dengan kaedah interpretasi *Bible* seperti kritikan sejarah (*historical criticism*) yang merujuk kepada tafsir kontekstual, analisis isu *gender* dan kritikan sastera. Kecenderungan ini selari dengan pandangan Tengku Intan Zarina & Muhd. Najib (2013) yang menegaskan bahawa segala bentuk kajian sedemikian hanya didasari oleh idea rasionalisme tanpa merujuk sumber berautoriti, sehingga akhirnya menjurus kepada sikap skeptis terhadap agama.

Dengan gambaran di atas, ideologi liberalisasi dalam kajian al-Quran dapat dikesan dalam sebuah karya tafsir berjudul *al-Mar'ah fī Khitāb al-Qurān*, karya cendekiawan Arab muslim, Fawzia al-ʿAshmāwī. Perkara utama yang mendorong penghasilan karya beliau adalah untuk menjawab salah faham golongan musuh Islam terhadap perbincangan mengenai wanita di dalam al-Quran. Kendatipun begitu, kajian mendapati terdapat kekeliruan dalam penulisan beliau, meliputi metodologi dan huraian

¹ Menurut Nur Zainatul Nadra Zainol & Latifah Abdul Majid (2018) dan Fatkul Chodir (2019) nama penuh beliau ialah Naṣr bin Ḥāmid. Dilahirkan di wilayah Tanta, Mesir pada 10 Jun, tahun 1943 dan meninggal dunia pada 5 Julai tahun 2010 di Bandar Kaherah. Beliau merupakan seorang pemikir dan ahli akademik kontemporari. Beliau telah menghadiri Universiti Kaherah dan menerima Ph.D. dalam pengajian Arab dan Islam. Kendatipun begitu, kajian dikemukakan oleh beliau mengenai tafsiran al-Quran yang bertajuk Kritikan Wacana Islam (1995) mencetuskan perdebatan antara ulama Islam terutama di Mesir kerana beliau telah menyinggung beberapa fundamentalis Islam dalam penulisannya.

pentafsiran. Kekeliruan ini berpotensi menyebabkan salah tafsir terutamanya bersangkutan dengan hukum fikah wanita Islam.

Justeru, buku tersebut menimbulkan minat kepada pengkaji untuk menganalisis kandungannya. Penyelidikan ini dilakukan bagi mengenal pasti bentuk penyelewengan yang terkandung dalam buku tersebut. Selain itu, pengkaji juga akan mengemukakan dan membantah penyelewengan tersebut.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Pada masa ini, penyelewengan dalam perspektif pengajian tafsir al-Quran bukan sahaja daripada pihak Orientalis, bahkan memperlihatkan kaitannya menerusi segelintir pemikir liberalisme muslim. Menurut Siti Jalilah Ahmad & Wan Fariza Alyati (2022) golongan yang mendukung fahaman liberalisme dilihat terkesan dengan ideologi falsafah Barat yang diwujudkan untuk mengaburi pemikiran umat Islam. Bukan itu sahaja, menurut Tengku Intan Zarina & Mazlan (2017) idea songsang para sarjana Orientalis turut mempengaruhi corak pemikiran ilmuwan muslim sehingga mengheret mereka untuk melakukan penyelewengan.

Memang tidak dinafikan setelah pengaruh pemikiran asing datang ke atas Islam terdapat kesan perubahan dapat dilihat mempengaruhi masyarakat Islam. Antaranya seperti desakan kesetaraan jantina terutama terhadap perempuan kerana menganggap agama Islam mengongkong hak asasi wanita (Wahidatul Hannan & Razali 2022). Seterusnya, pendukung Islam Liberal menuntut agar status fikah dirangka semula agar sesuai dengan keinginan dan fahaman mereka sendiri (Ning Ratna Sinta Dewi 2022). Mereka juga melakukan tafsiran al-Quran secara bebas dan bercanggah dengan *maqāsid al-sharī'ah* serta pengertian zahir ayat al-Quran (Luqman Hakim Syahbudin et al. 2022). Ini bermaksud mereka cuba mengolah ilmu wahyu kepada tafsiran lebih moden yang bercorak kebebasan individu sehingga secara terang mengetepikan syariah.

Apa yang berlaku mereka mempromosikan gagasan dan mengembangkan idea pemikiran menerusi penghasilan karya ilmiah. Kajian-kajian dimaksudkan misalnya *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition* (1982) oleh Faḍl al-

Rahmān, *al-Khiṭāb al-Dīnī: Ru'yah Naqdiyyah* (1994) dan *Mafhūm al-Naṣ Dirāsah fi 'Ulūm al-Qur'ān* (2014) oleh Naṣr Ḥāmid Abū Zayd. Menurut Tengku Puji & Mohd Yusoff (2009) mereka bukan sahaja berpandangan kaedah memahami nas al-Quran dan pentafsiran yang dilakukan oleh ulama tradisional tidak relevan untuk diaplikasikan pada zaman moden, bahkan menggantikan kaedah tafsir sedia ada kepada Hermeneutik.

Perlu diakui bahawa apa yang ditawarkan oleh golongan ini bercanggah dengan keabsahan keilmuan Islam sendiri. Ini berikutan, Hermeneutik berasal daripada sebuah kaedah pengkajian secara khusus oleh sarjana Yahudi dan Kristian terhadap tafsiran naskhah kitab suci mereka (Ugi Suharto 2003). Kerana itu, Hermeneutik al-Quran termasuk kaedah yang tidak perlu terima kesahihannya atau dijadikan pegangan dalam berinteraksi dengan nas al-Quran.

Pada masa sama, aliran tersebut begitu ketara menyebarkan persepsi negatif terhadap para ulama Islam, ini disebabkan mereka bersangka pentafsiran ulama klasik dimonopoli oleh lelaki sehingga banyak memprotes perkara dalam Islam. Situasi ini jelas dilihat dari sudut kaedah mendalami maksud nas al-Quran, mereka tidak mengiktiraf manhaj mufassir muktabar, tetapi lebih berminat menggunakan kaedah tersendiri. Golongan tersebut mengutamakan kaedah Hermeneutik dengan bersandarkan pada keadaan sosial, semasa melakukan kajian tafsir atau bagi menginterpretasikan ayat al-Quran (Setio Budi 2022). Menelusuri sejarah teori Hermeneutik sebenarnya dibangunkan oleh orang Yahudi dan ahli teologi Kristian untuk mengkaji kitab agama mereka. Kemudian teras Hermeneutik bercambah, digunakan oleh pemikir Barat secara meluas dalam wacana falsafah, sehingga akhirnya kaedah ini diterokai pula oleh ahli sarjana moden bagi memahami teks al-Quran (Muhammad Padlan et al. 2022).

Malangnya penggunaan Hermeneutik merebak dalam kalangan tokoh-tokoh intelektual Islam Liberal tersebut dan memberi kesan negatif terutama dalam konteks pemikiran semasa masyarakat Islam tentang tafsiran ayat al-Quran. Kebiasaan golongan liberal bukan sahaja tidak merujuk kepada epistemologi sumber Islam, malah lantang mengkritik al-Quran dengan menggunakan kaedah Hermeneutik dalam tafsiran mereka. Susulan itu, mereka berusaha memperjuangkan pemahaman yang jauh berbeza

daripada ulama silam menerusi konsep kritikan terhadap teks al-Quran (Tengku Intan Zarina & Muhd. Najib 2013). Hal ini bertepatan dengan tujuan tafsiran Hermeneutik itu sendiri yang menumpukan kepada mengkritik dan menilai kebenaran suatu teks agama (*textual criticism*).

Selanjutnya, antara implikasi negatif lain adalah mereka menampilkan prinsip mentafsir semula teks al-Quran untuk mencari nilai universal atau nilai moral melalui kandungan al-Quran. Bertitik tolak daripada usaha mereka adalah bagi menjamin tafsiran tersebut relevan dan menjawab setiap permasalahan baharu yang timbul. Hal ini bersesuaian dengan slogan mereka, berdasarkan ungkapan al-Quran, *ṣāliḥ fī kullī zamān wa makān* yang membawa makna setiap usaha menjelaskan kandungan dan maksud al-Quran berkembang seiring dengan tuntutan semasa (M. Nurdin 2012).

Senario yang hampir sama dengan hal ini, apabila terdapat sebuah kitab berjudul *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān* yang dicetak pertama kalinya pada tahun 2020 dan edisi kedua karya diterbitkan pada 2021 oleh penerbit *Dār al-Shurūq*. Buku ini adalah karya Fawzia al-ʿAshmāwī, seorang intelektual kontemporari yang berasal daripada negara Timur Tengah, Mesir dan merupakan ahli akademik dari Universiti Geneva dalam bidang Sastera. Selain itu, beliau juga seorang penulis yang prolifik kerana banyak menerbit dan menterjemahkan buku dalam dunia akademik di negaranya (Fawzia al-ʿAshmawi 2021).

Berdasarkan beberapa tajuk yang ditafsirkan, pembahasan Fawzia al-ʿAshmāwī mendasari tafsir kontekstual atau Hermeneutik. Malah, kecenderungan beliau dalam usaha menginterpretasi al-Quran lebih mengutamakan bahan rujukan asing seperti dua buah Kitab agama Yahudi dan Nasrani serta penulisan pendukung pemikir liberalisme muslim. Hal ini menyebabkan hasil tafsiran Fawzia al-ʿAshmāwī bersifat destruktif terhadap ayat al-Quran terutama berkaitan ayat-ayat hukum kaum hawa dalam al-Quran. Perbahasan dalam kitab tersebut menyanggah banyak tafsiran ulama, antaranya seperti menolak kewajipan pemakaian hijab bagi wanita, menggugurkan beberapa hak suami ke atas isterinya dan menafikan kewajaran syarak membenarkan suami memukul isteri yang nusyuz. Dalam pada itu, beliau menghasilkan pandangan keagamaan yang

bercanggahan dengan para sarjana Islam meliputi isu poligami serta perkahwinan antara wanita muslimah dan ahli kitab (Fawzia al-'Ashmawi 2021).

Jika diteliti dengan lebih mendalam, pembahasan Fawzia al-^cAshmāwī terhadap hukum fikah wanita seperti hijab, poligami, nusyuz dan pernikahan ahli kitab dengan wanita muslimah bermasalah. Hal ini berpunca daripada kegagalan beliau dalam memahami ayat hukum dalam al-Quran secara tepat. Tafsiran ini bahaya kerana ia mengakibatkan hukum syariat dirombak dan diubah. Sekiranya tidak ditangani melalui penyelidikan, dikhuatiri akan menjejaskan keutuhan akidah dan kefahaman syariat dalam kefahaman masyarakat awam.

Antara contoh kekeliruan dapat dilihat adalah berkaitan hukum kewajipan berhijab bagi wanita muslimah melalui bab berjudul *Hijab al-Nisa'*. Fawzia al-'Ashmawi (2021) mendakwa hukum pemakaian hijab bagi wanita muslimah bukan kewajipan di dalam syariat Islam. Malah, beliau mempercayai perintah tersebut tiada disebutkan sama sekali menerusi Surah al-Ahzab ayat 59 seperti yang difahami oleh ulama Islam. Lanjutan itu, beliau memberi ulasan menggunakan akal fikiran sendiri bahawa hijab hanya sekadar etika berpakaian dalam budaya Arab ketika dahulu, bersesuaian dengan konteks budaya Jahiliah masyarakat Arab yang memerlukan wanita memakai hijab untuk keluar dari kawasan rumah. Oleh itu, keperluan tersebut tidak relevan diaplikasikan pada situasi masyarakat kini, atas dasar inilah tiada kewajipan untuk berhijab.

Berdasarkan huraian ini, dapat dirumuskan bahawa analisis yang ditampilkan oleh Fawzia al-^cAshmāwī adalah sebuah pentafsiran yang bercorak sejarah dan menyimpang daripada metodologi *uṣūl al-tafsīr*. Hal ini kerana semasa memahami kandungan al-Quran, beliau menumpukan aspek sejarah nuzul atau sebab-sebab turunnya ayat dengan meninjau peristiwa nas al-Quran diturunkan, lalu diselaraskan mengikut keadaan sosial semasa yang melingkungi pentafsir. Dengan perkataan lain, bentuk pentafsirannya bercirikan norma budaya masyarakat kekinian tanpa terikat dengan kehendak ayat yang diturunkan. Hal ini mengakibatkan penafian terhadap hukum kewajipan berhijab bagi wanita muslimah.

Dalam hal ini, perlu ditegaskan tafsiran Fawzia al-[◌]Ashmāwī menzahirkan kekeliruan dalam ilmu Islam yang dipegang oleh warisan ulama. Sebagaimana yang dihuraikan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (2021) bahawa krisis pemikiran ini berpunca daripada keruntuhan adab terhadap ilmu yang mengakibatkan kegagalan membezakan antara kebenaran wahyu dengan falsafah manusia. Kepincangan metodologi ini selari dengan amaran yang dikemukakan oleh Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (2013) mengenai kepentingan memelihara integrasi nas al-Quran dengan akal. Penggunaan akal tanpa kawalan ilmu usul tafsir hanya akan mengakibatkan kesilapan dalam menetapkan hukum.

Oleh demikian, kepentingan kajian ini terletak pada keperluan untuk menyediakan penghujahan balas yang berautoriti bagi membuktikan bahawa hujah-hujah Fawzia al-[◌]Ashmāwī sebenarnya adalah sebuah tafsiran yang menyeleweng. Tanpa perincian ilmiah yang mendalam, dikhuatiri tafsiran seperti ini akan dianggap sebagai satu bentuk tafsiran alternatif yang diterima, seterusnya membawa kepada kekeliruan dalam kalangan masyarakat terutama melibatkan kefahaman hukum hakam Islam.

Langkah menangani penyelewengan ini juga adalah selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (2016) yang telah menegaskan bahawa aliran pemikiran liberalisme adalah menyeleweng dan bercanggah dengan syariat Islam. Oleh itu, penghujahan balas terhadap karya Fawzia al-[◌]Ashmāwī merupakan satu keperluan ilmiah yang signifikan bagi memelihara keaslian akidah umat Islam daripada naratif yang cuba merombak hukum agama.

Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan memperkenalkan Fawzia al-[◌]Ashmāwī dan mengungkap isu, kaedah serta implikasi tafsirannya terhadap hukum syariah secara terperinci. Bagi mencapai tujuan ini, penyelidikan akan memulakan proses analisis dengan memperkenalkan beliau dan kandungan karyanya. Kemudian, penyelidikan akan beralih kepada mengenal pasti dan menghuraikan bentuk penyelewengan tafsiran yang terdapat dalam buku. Seterusnya, perbahasan tersebut dianalisis secara komparatif, iaitu dengan membandingkan hasil tafsiran Fawzia al-[◌]Ashmāwī terhadap ayat hukum dengan pentafsiran ulama tafsir yang muktabar. Perbandingan ini

dilaksanakan bagi menilai punca penyelewengan yang wujud dalam tafsiran beliau dan mengemukakan serta membantah setiap bentuk penyelewengan tafsiran yang ditemui.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Untuk memenuhi objektif kajian, dikemukakan persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah latar belakang intelektual Fawzia al-^cAshmāwī dan kandungan buku *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*?
2. Apakah bentuk tafsiran dan hujah yang dikemukakan dalam buku *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān* karya Fawzia al-^cAshmāwī?
3. Bagaimanakah penghujahan balas terhadap setiap tafsiran yang dikesan menyimpang daripada pentafsiran ulama yang sahih?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Untuk memperoleh matlamat kajian, tiga objektif kajian yang hendak dicapai seperti berikut:

1. Menganalisis latar belakang intelektual Fawzia al-^cAshmāwī dan kandungan buku beliau yang berjudul *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*.
2. Mengenal pasti bentuk tafsiran dan hujah yang dikemukakan dalam buku *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān* karya Fawzia al-^cAshmāwī.
3. Mengemukakan penghujahan balas terhadap setiap tafsiran yang dikesan menyimpang daripada pentafsiran ulama yang sahih.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi penyelidikan dalam kajian ini meliputi beberapa perkara, antaranya ialah:

1.6.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang merangkumi kaedah deskriptif, analisis kandungan dan komparatif bagi mencapai objektif penyelidikan yang telah ditetapkan. Reka bentuk ini dipilih bagi menghuraikan dan menganalisis data dalam karya yang dikaji melalui tiga fasa.

a. Fasa Pertama

Melibatkan kaedah deskriptif untuk menghuraikan latar belakang Fawzia al-ʿAshmāwī dan isi kandungan buku *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*. Dalam fasa ini, kajian memberikan tumpuan kepada pengumpulan maklumat berkaitan latar belakang pendidikan, kepakaran dan kecenderungan pemikiran Fawzia al-ʿAshmāwī. Hal ini bertujuan untuk memberikan pemahaman asas mengenai kerangka penulisan beliau sebelum proses penilaian dilakukan dalam fasa berikutnya.

b. Fasa Kedua

Mengaplikasikan analisis kandungan bagi mengupas buku dan mengenal pasti bentuk-bentuk tafsiran melalui penaakulan induktif. Fasa ini melibatkan penelitian terhadap setiap hujah yang dikemukakan oleh Fawzia al-ʿAshmāwī bagi mengesan sebarang unsur yang menyimpang daripada metodologi tafsir yang sahih. Melalui penaakulan induktif, kajian mengklasifikasikan kategori tersebut berdasarkan isu-isu spesifik yang ditemui dalam buku *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*.

c. Fasa Ketiga

Menggunakan analisis komparatif dan penaakulan deduktif bagi membandingkan hujah Fawzia al-ʿAshmāwī dengan pandangan para ulama. Fasa ini merupakan tahap penilaian kritikal, di mana hujah Fawzia al-ʿAshmāwī dianalisis secara kritis menggunakan rujukan berautoriti seperti kitab terjemahan daripada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman (2022), kitab-kitab tafsir muktabar, pandangan sarjana fikah dan hujah ahli Bahasa Arab. Penggunaan penaakulan deduktif mengizinkan kajian mengemukakan jawapan yang mendalam bagi menolak tafsiran yang menyeleweng seterusnya mengukuhkan dapatan akhir penyelidikan.

1.6.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian menggunakan kaedah kajian kepustakaan sepenuhnya melalui pendekatan analisis dokumen. Bagi menjawab persoalan dan objektif penyelidikan, prosedur pengumpulan data dikategorikan kepada dua sumber utama:

a. Sumber Primer

Data primer merujuk sumber asal yang menjadi subjek utama analisis. Dalam kajian ini, rujukan utama adalah karya Fawzia al-^cAshmāwī yang bertajuk *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*. Penggunaan sumber primer ini penting bagi memastikan setiap petikan dan hujah yang dikaji adalah tepat mengikut teks asal Fawzia al-^cAshmāwī. Selain itu, rujukan kepada nas al-Quran dan hadith Baginda SAW digunakan sebagai sumber wahyu yang menjadi rujukan utama dalam menilai hujah Fawzia al-^cAshmāwī.

b. Sumber Sekunder

Data sekunder merujuk kepada bahan rujukan pihak kedua yang membantu proses interpretasi dan pengukuhan hujah. Ia diperoleh melalui naskhah ilmiah berkaitan penyelewengan pentafsiran al-Quran dan rujukan berautoriti dalam bidang fikah, tatabahasa Bahasa Arab serta kitab-kitab tafsir muktabar. Kajian turut memanfaatkan tesis, disertasi terdahulu, artikel jurnal, fatwa dan kertas kerja seminar sebagai sandaran akademik untuk menyokong setiap penilaian yang dilakukan terhadap karya primer.

1.6.3 Kaedah Analisis Data

Setelah semua data dikumpulkan, kajian melakukan analisis secara kritis bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Proses ini melibatkan beberapa kaedah analisis, antaranya seperti berikut:

a. Kaedah Deskriptif

Kaedah ini digunakan bagi memenuhi objektif pertama. Analisis ini memberikan gambaran menyeluruh tentang profil akademik dan hala tuju penulisan karya tersebut

bagi melihat perkaitan antara latar belakang pendidikan Fawzia al-[◌]Ashmāwī dengan kecenderungan pemikiran beliau.

b. Analisis Kandungan

Kaedah ini diaplikasikan bagi memenuhi objektif kedua. Kajian melakukan penelitian teks secara mendalam terhadap karya yang dikaji bagi mengenal pasti bentuk tafsiran dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Fawzia al-[◌]Ashmāwī. Melalui kaedah ini, setiap dakwaan beliau dapat dikelaskan mengikut tema isu yang spesifik sebelum proses penilaian dilakukan.

c. Kaedah Komparatif

Kaedah ini dilakukan sebagai proses membentuk kesimpulan dengan membandingkan data atau fakta yang diperolehi dalam kajian (Idris 2009). Kaedah ini diaplikasikan bagi memenuhi objektif ketiga dan keempat. Kajian melakukan perbandingan antara tafsiran Fawzia al-[◌]Ashmāwī dengan pandangan mufassir muktabar, pakar sarjana fikah dan Bahasa Arab. Analisis komparatif ini bertujuan untuk mendedahkan kepincangan hujah beliau dan seterusnya mengemukakan penghujahan balas bagi membetulkan kekeliruan yang timbul.

1.7 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini berfokus pada tiga objektif utama, pertama memperkenalkan Fawzia al-[◌]Ashmāwī dan karya beliau yang bertajuk *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*. Kedua menganalisis dan menghuraikan bentuk-bentuk penyelewengan tafsiran yang terkandung dalam buku dan yang terakhir, membantah penyelewengan tersebut dengan menjawab menggunakan hujah ulama tafsir muktabar. Sehubungan itu, skop akan hanya berfokus melangkaui perbincangan luar daripada tiga fokus ini, seperti perbandingan biografi antara ilmuwan liberal yang lain, atau kritik terhadap fahaman liberal secara umum.

Kajian ini terhad kepada satu buah karya utama Fawzia al-[◌]Ashmāwī, iaitu buku *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*. Oleh itu, kajian ini terhad kepada satu karya utama

beliau, iaitu *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān* sahaja. Sebarang penulisan beliau yang lain dan tafsiran terhadap ayat-ayat di luar buku ini akan diletakkan di luar skop kajian.

Isu yang dianalisis terhad kepada hukum syariah bagi wanita seperti hijab, poligami, pernikahan antara wanita muslimah dan ahli kitab serta nusyuz. Justeru, kajian ini tidak mengkaji tafsiran Fawzia al-ʿAshmāwī berkaitan secara langsung dengan perbahasan perundangan selain daripada hukum wanita dan isu akidah yang terlalu luas.

Tafsiran Fawzia al-ʿAshmāwī diteliti melalui analisis perbandingan dengan pandangan ulama muktabar daripada pelbagai bidang ilmu seperti fikah, tafsir dan bahasa sebagai bahan perbandingan. Penetapan skop ini bertujuan memastikan analisis tertumpu sepenuhnya kepada neraca pemikiran ulama ahli sunnah dan seterusnya bagi memperoleh kesimpulan serta pentafsiran yang tepat.

Kajian ini menemukan Fawzia al-ʿAshmāwī menggunakan pendekatan Hermeneutik dalam tafsirannya terhadap ayat al-Quran. Dalam hal ini, perbincangan ini dihadkan kepada aplikasi kaedah tersebut sahaja tanpa melibatkan kritikan mendalam terhadap teori Barat berkenaan. Ini memastikan fokus kajian kekal dalam bidang pengajian tafsir al-Quran dan tidak melebar ke arah perbahasan ideologi yang terlalu luas.

1.8 KERANGKA TEORETIKAL DAN KONSEPTUAL

1.8.1 Kerangka Teoretikal

Berlandaskan ayat al-Quran, Allah SWT menjelaskan kepada manusia agar tidak berkata dan melakukan sesuatu tanpa berpandukan asas ilmu pengetahuan kerana perkara tersebut akan menjurus ke arah kesesatan.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ...²

Maksudnya:

Dan janganlah kamu mengikuti apa-apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya...³

Ilmu pengetahuan difahami sebagai syarat yang perlu dipenuhi oleh pentafsir sebelum mentafsir nas-nas al-Quran. Untuk itu, para ulama tafsir meletakkan dua syarat khusus kepada pentafsir, penguasaan asas ilmu pengetahuan dan penekanan kepada manhaj dalam pentafsiran. Sebagaimana dirumuskan oleh al-Suyuti (2019) bahawa terdapat lima belas ilmu yang harus dikuasai oleh pentafsir sebelum mendalami pentafsiran al-Quran. Ilmu-ilmu tersebut ialah ilmu Bahasa Arab seperti nahu, saraf dan balaghah atau bidang perundangan seperti usul al-fiqh dan fikah. Termasuk bidang ilmu lain seperti hadith, ulum hadith, ulum al-Quran, qiraat, *nasakh wa mansūkh*, *asbāb al-nuzūl* dan usuluddin.

Sementara, sebuah hadith yang di riwayat oleh Imam al-Tirmizi, Nabi Muhammad SAW dengan tegas memberi ancaman keras terhadap manusia yang bertabiat mentafsir dan menjelaskan nas al-Quran tanpa ilmu pengetahuan.

عَنْ جُنْدُبِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أَخْطَأَ»⁴

Ertinya:

Daripada Jundub bin Abdullah berkata: sabda Rasulullah SAW: Barang siapa yang menyatakan pendapatnya sendiri mengenai al-Quran maka dia benar-benar telah melakukan kesilapan.

² Al-Qur'ān, al-Israa' 17: 36.

³ Semua terjemahan ayat al-Quran dalam kajian diambil daripada: *Tafsir Pimpinan Ar-Rahmān Kepada Pengertian Al-Quran (30 Juz)*, cetakan pertama diterjemahkan dan diberi penjelasan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2022).

⁴ *Ḥadīs Gharīb*, al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitab *Tafsīr al-Qur'ān*, Bab *Mā Jā'a fī lladhī Yufassiru al-Qur'ān bira'yihī*, No. Hadith 2952.

Daripada dua sumber berautoriti ini, seluruh umat Islam hendaklah menghindari daripada memperkatakan sesuatu daripada al-Quran mengikut pendapatnya sendiri yang bercanggah dengan dalil yang terdapat dalam sumber hukum syarak.


Dalam prinsip ilmu tafsir al-Quran pula, setiap pentafsir perlu berpandukan manhaj yang tepat agar pentafsiran diterima mengikut lunas yang ditetapkan oleh para ulama tafsir dapat dicapai. Meskipun terdapat kesenjangan ahli tafsir dalam mentafsir nas al-Quran dari pelbagai sudut kepakaran dan ilmu pengetahuan, pada dasarnya, mereka telah menggariskan asas pentafsiran yang sama. Dalam hal ini, pengkaji merumuskan bahawa manhaj yang telah digariskan oleh Ibn Kathir (1998) dan al-Khalidi (2008) dalam mentafsir nas al-Quran:

1. Mendahulukan pentafsiran al-Quran dengan al-Quran, kerana sebaik pentafsiran adalah mencari tafsiran al-Quran dari sebahagian nas al-Quran yang lain.
2. Sekiranya tiada didapati keterangan dalam al-Quran, hendaklah berpandukan riwayat daripada sunah Rasulullah SAW yang sahih.
3. Apabila tidak terdapat tafsiran dengan sunah Rasulullah SAW, dirujuk riwayat dan ijtihad para sahabat yang sahih.
4. Jika tidak mendapat pentafsirannya dari kata-kata para sahabat, ditafsirkan pula dengan riwayat daripada para tabiin.
5. Kemudian jika masih tiada jawapan dari kata-kata para tabiin, mufassir perlu mengambil kira pentafsiran dengan kemahiran Bahasa Arab seperti ilmu balaghah (retorik), nahu (sintaksis) dan saraf (morfologi).
6. Seterusnya, menggunakan akal (*al-ra'y*) dengan berijtihad dan mentakwilkan maksud ayat al-Quran selaras dengan dalil syarak serta adab sebagai mufassir bagi mengeluarkan makna dan hukum daripada ayat al-Quran.

Kesimpulannya, manhaj tersebut merupakan suatu aturan dan kaedah yang perlu diikuti mengikut susunan bagi setiap ahli tafsir ketika mentafsirkan ayat al-Quran. Justeru, pengkaji akan merujuk kepada manhaj atau teori tersebut sebagai asas untuk membina kerangka konseptual kajian ini.



1.8.2 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1 Kerangka Kerja Konseptual

Sumber: Pengkaji (2026)

1.9 KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur membincangkan hasil kajian terdahulu yang menjurus kepada permasalahan kajian. Pada dasarnya, penyelidikan berkaitan dengan penyelewengan tafsiran al-Quran terdapat dalam pelbagai sumber seperti tesis, disertasi sarjana, prosiding seminar, buku dan karya para ulama. Secara umumnya, ulasan kepustakaan tertumpu kepada tiga tema utama:

1.9.1 Pendekatan Hermeneutik dan Isu Feminisme dalam Pentafsiran al-Quran

Sorotan literatur menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan Hermeneutik sering menjadi tumpuan utama dalam menilai pemikiran moden. Kajian Doktor Falsafah oleh Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2013) di Universiti Malaya menganalisis pandangan tokoh-tokoh akademik aliran Islam Liberal seperti Fazlur Rahman, Amina Wadud, dan Mohammed Arkoun yang menerapkan Hermeneutik ke dalam aspek ulum al-Quran. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan lapangan. Kaedah lapangan melibatkan temu bual dengan dua ahli tafsir kontemporari dari Timur Tengah, iaitu Ṣalāḥ al-Khālīdī dan Fāṭimah Mardīnī. Hasil kajian mendedahkan wujudnya penyimpangan fakta dalam bidang *nasakh wa mansūkh*, wahyu dan *asbāb al-nuzūl* akibat penggunaan metodologi Barat tersebut.

Selanjutnya, Muhibudin (2004) dalam kajian sarjana beliau membincangkan metodologi pentafsiran pertubuhan liberal di Indonesia iaitu Jaringan Islam Liberal (JIL). Beliau menerapkan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan bagi mengenal pasti isu kontroversi yang dikemukakan oleh golongan JIL, meliputi isu emansipasi wanita, al-Quran Edisi Kritis (QEK) dan penolakan hukum Hudud. Dapatan kajian merumuskan bahawa Hermeneutik merupakan metodologi yang mengancam keaslian tafsir kerana cenderung merombak syariat Islam.

Dalam konteks isu wanita, artikel “Isu Penyelewengan Tafsir Ayat al-Quran oleh Samina Ali dalam Saluran *TEDxTalk*” (2022) mendedahkan bagaimana aktivis tersebut menyelewengkan tafsir ayat hijab melalui *historical approach* (pendekatan sejarah) yang hanya bersandarkan logik peribadi. Hasil penelitian membuktikan bahawa tafsiran tersebut tidak selaras dengan ijmak ulama tafsir khususnya dalam isu

hijab. Hal ini selari dengan buku “Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran” oleh Tengku Intan Zarina & Mazlan (2017) yang mengupas mengenai kesaksamaan jantina (*gender equality*) oleh golongan *Sisters In Islam* (SIS). Kajian tersebut mendapati tafsiran golongan feminisme ini gagal bahkan tidak bersandarkan disiplin ilmu Islam kerana lebih mengutamakan sentimen kesaksamaan jantina dan bersikap skeptikal terhadap autoriti ulama.

1.9.2 Analisis terhadap Penyimpangan dalam Pentafsiran al-Quran

Analisis terhadap salah kefahaman dalam tafsir perlu dilihat melalui penilaian terhadap beberapa karya yang membawa kecenderungan tertentu dalam pentafsiran. Prosiding seminar terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia (2018) yang bertajuk “Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran” telah dibentangkan oleh pelajar-pelajar Pusat Kelestarian Turath Islami, Fakulti Pengajian Islam (FPI) dalam kursus Penyelewengan Tafsir al-Quran pada 15 Mei 2018. Prosiding ini membincangkan pelbagai bentuk penyelewengan dalam pentafsiran al-Quran yang berpunca daripada pengaruh riwayat Israiliyyat, hadith palsu, pemikiran golongan seperti syiah, muktazilah dan liberal. Selain itu, penulisan ini turut memaparkan pendekatan ulama dalam mendepani isu penyelewengan tersebut bagi memastikan pentafsiran kekal berpandukan kaedah yang sahih. Hasil kajian menunjukkan bahawa penyelewengan sering berlaku apabila pentafsiran tidak berpandukan kaedah yang kukuh, sebaliknya dipengaruhi oleh ideologi tertentu dan dorongan hawa nafsu serta kelemahan dalam penguasaan kaedah ilmu riwayat.

Selain itu, Nizaita Omar & Zulkifli Muda (2013) dalam penulisan bertajuk “Fenomena Penyelewengan dalam Pentafsiran ayat al-Quran di Malaysia” mengemukakan isu pemesongan akidah dan kelemahan penguasaan Bahasa Arab. Di samping itu, penulisan ini turut menyenaraikan syarat-syarat yang diperlukan sebagai ahli tafsir bagi mengelakkan hasil pentafsiran menyalahi pengertian yang sebenar. Hasil kajian memperlihatkan bahawa punca penyelewengan berlaku akibat daripada kegagalan menguasai kaedah lafaz Bahasa Arab dan pengaruh pegangan akidah yang salah semasa pentafsiran dilakukan.

Akhir sekali, kajian peringkat Sarjana oleh Husin Abdul Wahab (1998) pula memberikan sumbangan penting dalam memahami penyelewengan tafsir ajaran batiniah melalui analisis terhadap Kitab Bolong. Kitab tersebut merupakan rujukan utama bagi sebuah ajaran sesat di Indonesia yang diasaskan oleh Abdul Majid. Beliau menggunakan kajian lapangan dengan mengambil dua puluh peratus sampel daripada penduduk di desa Mersam Provinsi Jambi, Indonesia. Dapatan kajian membuktikan bahawa tafsiran yang menyimpang muncul apabila nas al-Quran dipaksa mengikut kehendak ajaran peribadi yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

1.9.3 Manhaj *Uṣūl Al-Tafsīr* dalam Menilai Penyelewengan Pentafsiran al-Quran

Sorotan terhadap khazanah ilmu *uṣūl al-tafsīr* adalah penting bagi menyediakan landasan teori yang kukuh dalam menilai pentafsiran al-Quran dan bagi mengenal pasti punca penyelewengan dalam tafsir. Kajian di peringkat sarjana oleh Shazazierra (2018) yang bertajuk “Manhaj Mufassirin Dalam Membincangkan Penyelewengan Pentafsiran Al-Quran” mengupas tentang manhaj dan pentafsiran ayat al-Quran yang menyimpang dalam pelbagai kumpulan mazhab serta aliran Islam. Beliau menggunakan kajian perpustakaan dan penganalisan deskriptif semasa mensintesis data. Beliau turut menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis beberapa sampel daripada kitab *uṣūl al-tafsīr* yang membincangkan sebab-sebab penyelewengan tafsir al-Quran. Hasil kajian menunjukkan salah tafsiran ayat al-Quran berlaku disebabkan oleh penyelewengan dari sudut riwayat dan pendalilan. Manakala punca penyelewengan yang melibatkan ahli tafsir pula, berpunca daripada pemikiran, kelemahan penguasaan konteks ayat dan kurangnya pengetahuan ilmu alat.

Selain itu, kajian Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia oleh Atabik Luthfi (2004) yang bertajuk “Penterjemahan dan Pentafsiran Al-Quran Di Indonesia: Kajian Terhadap Perkembangan Metodologi Dan Penyelewengan Pentafsiran” mengkaji dua tema besar. Pertama, beliau menilai beberapa pentafsiran yang cenderung menyeleweng di Indonesia dari perspektif *uṣūl al-tafsīr*. Kedua, kajian ini membahaskan tentang metodologi dan kecenderungan yang digunakan dalam bidang penterjemahan serta pentafsiran al-Quran di Indonesia. Beliau menggunakan kajian kepustakaan dan metodologi tafsir seperti *tafsīr mawḍūʿi* serta *muqāran* sebagai

teknik analisis penyelidikan. Dapatan kajian mendedahkan bahawa wujudnya salah tafsiran dalam isu *gender*, masalah akidah dan pluralisme berpunca daripada penggunaan kaedah yang tidak tepat dalam proses pentafsiran. Oleh itu, kajian beliau menegaskan kepentingan kritikan ilmiah terhadap tafsiran tersebut bagi memelihara khazanah pentafsiran al-Quran dan menjaga pemikiran masyarakat daripada pemahaman yang songsang.

Terdapat juga sorotan penulisan terhadap kitab klasik dan kontemporari yang membincangkan *uṣūl al-tafsīr* dan penyelewengan tafsiran al-Quran. Kitab-kitab tersebut dijadikan rujukan dalam kajian ini, iaitu:

1. *Tafsīr wa al-Mufasssirūn* oleh Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000) ialah rujukan lengkap mengenai perkembangan metodologi tafsir yang digunakan oleh ahli tafsir. Kitab tersebut dijadikan rujukan asas dalam kajian sejarah pentafsiran tafsir al-Quran. Beliau menyebutkan penyelewengan tafsiran al-Quran berlaku apabila seseorang menjelaskan isi kitab Allah SWT tanpa ada kemahiran secara kukuh mengenai Bahasa Arab, usul syariah dan asas ilmu tafsir yang lain, memanjangkan perbincangan mengenai hal ghaib yang hanya diketahui oleh Allah SWT, mengikut hawa nafsu berasaskan kehendak akal serta menyandarkan pada mazhab atau ideologi sesat.
2. *Taʿrīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufasssirīn* ialah karya seorang ulama tafsir kontemporari, Ṣalāḥ al-Khālīdī (2008). Kitab ini membincangkan manhaj mufassir dalam pentafsiran. Selain itu, ia memuatkan perbincangan tentang isu penyelewengan tafsir al-Quran secara komprehensif. Beliau menyatakan bahawa antara punca penyimpangan pentafsiran al-Quran adalah pengabaian kaedah tafsir yang tepat. Kaedah yang tepat merangkumi sumber dalil (mentafsir al-Quran dengan al-Quran, hadith sahih, riwayat sahabat dan tabiin), dan kelayakan (kefasihan Bahasa Arab serta ijtihad yang benar). Punca-punca penyelewengan lain pula termasuk penjajahan budaya pemikiran Barat ataupun peribadi yang bertentangan dengan Islam, kelemahan mendalami ilmu *Riwayah* dan *Dirāyah* hadith, pengambilan berita Israiliyyat yang palsu serta berpegang pada Qiraat yang ganjil.

3. Buku *Kayfa Nata'āmal ma'a al-Qur'ān al-ʿAẓīm* oleh Yūsuf al-Qaraḏāwī (2000) menyenaraikan tujuh bahagian. Isi kandungan utama merangkumi *maqāṣid al-Qur'ān* dan kesalahan yang sering dilakukan oleh ahli tafsir ketika mentafsir al-Quran. Menurut beliau, pendorong utama kekeliruan dalam tafsiran adalah disebabkan oleh sifat pentafsir yang jahil terhadap ilmu Bahasa Arab dan Syariah, misalnya tiada kebolehan mendalami maksud *dilālah ayat* (makna tersirat dan tersurat) atau membezakan antara kalimah *ḥaqīqī* dan *majāzī* (kias), *ʿāmm*, *khāṣṣ*, *mutlaq* serta *muqayyad*.
4. *Kitāb Bida' al-Tafsīr* oleh ʿAbdullah Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī (1986) mengemukakan penyelewengan tafsiran yang dilakukan oleh sebahagian mazhab teologi Islam. Dalam perbincangan tersebut, beliau merumuskan bahawa penghasilan karya tafsir oleh segelintir mazhab gagal menzahirkan keagungan al-Quran, sebaliknya lebih cenderung memperalat nas bagi mengabsahkan doktrin dan kepentingan mazhab mereka.
5. *Al-Ittijāhāt al-Munḥarifah fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm Dawāfi'uhā wa Daf'uhā* ialah karya Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (1986). Kitab ini yang merupakan tambahan kepada karya awal beliau *Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, menumpukan perbincangan pada corak penyelewengan tafsiran al-Quran. Beliau menyebut bahawa punca utama penyelewengan tafsiran al-Quran dalam pelbagai aliran adalah sikap ahli tafsir yang mentafsir ayat mengikut pandangan peribadi dan akal, tanpa bimbingan daripada sumber nas al-Quran.
6. *Asbāb al-Khaṭā' fī al-Tafsīr Dirāsah Ta'ṣīliyyah* oleh Ṭāhir Maḥmūd Muḥammad Ya'qūb (2004) menghuraikan secara meluas mengenai kekeliruan dan sumber-sumber asing yang diserap ke dalam bidang tafsir al-Quran. Kajian ini menegaskan bahawa punca utama penyimpangan tafsiran dalam kitab tafsir adalah penggunaan akal secara bebas dan pegangan doktrin yang songsang.

7. *Uṣūl al-Dakhīl fī Tafsīr Āy al-Tanzīl* oleh Jamāl Muṣṭafā °Abd al-Ḥamīd °Abd al-Wahhāb al-Najjār (2007) membahaskan kaedah pentafsiran secara ringkas dan mengupas sejarah penyerapan Israilliyat dan hadith palsu ke dalam tafsir al-Quran.
8. *Al-Dakhīl fī al-Tafsīr* sebuah tulisan Ibrāhīm °Abd al-Raḥmān (2018) diterbitkan dalam satu jilid oleh Maktabah al-Iman. Kitab ini menghuraikan secara rinci kaedah pentafsiran ahli tafsir dan isu penyelewengan al-Quran. Dalam huraian, beliau berpendapat bahawa kekeliruan berlaku disebabkan penyerapan anasir luar dalam pentafsiran al-Quran. Punca lain melibatkan sikap berlebihan mufassir yang mengutamakan makna tersembunyi seperti dilakukan oleh golongan Batiniah, pemilihan hadith palsu dan penggunaan riwayat Israilliyat sebagai huraian.

Secara keseluruhan, sorotan literatur mendedahkan bahawa perbincangan mengenai penyelewengan tafsir al-Quran telah banyak dilakukan oleh para sarjana, sama ada menerusi analisis terhadap gerakan moden seperti Jaringan Islam Liberal (JIL) mahupun penilaian terhadap aplikasi Hermeneutik dalam metodologi tafsir. Kebanyakan kajian terdahulu memfokuskan kepada tokoh-tokoh dari Indonesia dan Timur Tengah, pengaruh ideologi serta isu-isu akidah yang bersifat umum. Walaupun terdapat kajian yang menyentuh aspek isu *gender* dan feminisme, namun penelitian khusus yang menilai pemikiran serta hujah-hujah Fawzia al-°Ashmāwī menerusi karya beliau *al-Mar'ah fī Khitāb al-Qurān* masih belum diterokai secara mendalam, khususnya dalam konteks penulisan akademik di Malaysia.

Justeru, kajian ini mengisi ruang lompong tersebut dengan melakukan analisis kritis terhadap pemikiran Fawzia al-°Ashmāwī. Kajian ini berbeza dengan kajian terdahulu kerana mengalihkan tumpuan daripada perbincangan akidah kepada aspek hukum fikah dan isu wanita secara khusus. Penyelidikan ini akan menilai sejauh mana hujah Fawzia al-°Ashmāwī selari atau bercanggah dengan pentafsiran ulama. Selain mengenal pasti bentuk penyelewengan yang dilakukan, kajian ini turut mengemukakan hujah balas berdasarkan kitab-kitab tafsir muktabar, kaedah usul al-fiqh dan kaedah

Bahasa Arab bagi mempertahankan ketetapan hukum syarak yang melibatkan wanita. Oleh itu, kajian terhadap pemikiran Fawzia al-[◌]Ashmāwī ini penting bagi menangkis hujah golongan modenis yang cuba mencabar ketetapan hukum dalam al-Quran. Kajian ini bukan sahaja bertujuan mendedahkan penyimpangan yang berlaku, malah berperanan memperkukuh hujah ahli sunnah dalam mendepani serangan pemikiran liberal terhadap isu-isu wanita.

1.10 SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan, antaranya:

1. Kajian ini dilakukan bagi memperkenalkan sosok Fawzia al-[◌]Ashmāwī yang masih kurang diketengahkan di Malaysia. Dengan demikian, diharapkan penelitian ini dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan sarjana di Malaysia berkaitan latar belakang beliau dan pentafsirannya yang kontroversi terhadap al-Quran.
2. Kajian ini bermatlamat memperkasakan pengetahuan masyarakat Islam di Malaysia mengenai salah tafsiran yang dilakukan Fawzia al-[◌]Ashmāwī dalam buku *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*. Hal ini disebabkan kecenderungan beliau menghuraikan maksud ayat al-Quran dengan kaedah Hermeneutik. Malah karya tersebut diterbitkan dalam Bahasa Arab, sekiranya dibaca secara harfiah sewaktu mendalami pendalilan beliau terutamanya dalam isu hukum Syariah, sudah pasti akan membawa salah faham semasa menelaah perbahasan buku tersebut.
3. Kajian ini penting dijalankan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan penyelidik dari pelbagai disiplin ilmu terhadap isu kontemporari berkaitan aplikasi Hermeneutik dalam bidang kajian al-Quran, kerana kaedah tersebut tidak terbina dengan asas keilmuan yang benar. Oleh itu, kajian ini menyumbang secara langsung dalam mengukuhkan kewibawaan ilmuwan muktabar Islam dan memelihara metodologi pentafsiran ulama.

4. Seperkara lagi, bersesuaian dengan peranan al-Quran sebagai kitab hidayah, kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman umat Islam di Alam Melayu mengenai maksud sebenar ayat-ayat Allah SWT, berlandaskan pentafsiran ulama yang muktabar. Hal ini penting kerana cabaran pemikiran semasa seperti ideologi liberalisme telah menimbulkan pelbagai kekeliruan kepada khalayak umum terutama berkenaan ayat-ayat hukum syariah.

1.11 DEFINISI OPERASI

Tajuk kajian ini adalah “Analisis Pemikiran Fawzia al-[◌]Ashmāwī dalam Buku *al-Mar’ah fī Khitāb al-Qurān*”. Dalam hal ini, setiap patah perkataan perlu dijelaskan maksudnya agar tema penyelidikan dapat difahami secara tepat. Justeru, definisi operasi kajian ini dapat dipaparkan seperti berikut:

1. Analisis dalam kajian ini merujuk kepada proses kritikal bagi mengenal pasti dan menghuraikan bentuk-bentuk penyelewengan tafsiran dalam karya Fawzia al-[◌]Ashmāwī, serta membandingkan tafsiran beliau dengan pentafsiran ulama tafsir muktabar, yang bertujuan untuk menilai kesahihan hujah beliau dan membantah setiap isu penyelewengan.
2. Definisi perkataan pemikiran menerusi Kamus Dewan Perdana merujuk kepada cara atau hal memikirkan sesuatu (Salmiah Jabbar et al. 2021). Pemikiran dalam Bahasa Arab adalah *Fīkr* atau *Afkār*. Menurut Ahmad Mukhtar (2008) penggunaan istilah tersebut membawa maksud konsep, pendapat dan pandangan. Dengan demikian, pemikiran dalam kajian ini bermaksud menganalisis hasil fikiran ataupun tafsiran Fawzia al-[◌]Ashmāwī terhadap ayat hukum al-Quran.
3. Fawzia al-[◌]Ashmāwī ialah seorang ahli akademik dalam bidang Kesusasteraan Arab. Beliau aktif mengarang buku tentang kehidupan tokoh sejarah di negaranya dan seorang penterjemah prolifik ke dalam Bahasa Arab. Kecenderungan beliau untuk menggunakan pendekatan Hermeneutik dalam menginterpretasi ayat hukum berbanding dengan metodologi tafsir para ulama,

jelas kelihatan berpunca daripada latar belakang keilmuannya dalam bidang Sastera.

4. *Al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān* merujuk kepada karya tafsir Fawzia al-ʿAshmāwī yang diterbitkan pada 2021.

1.12 KESIMPULAN

Bab ini telah menghuraikan latar belakang dan pernyataan masalah kajian sebagai asas kepada pelaksanaan kajian. Perbincangan turut diperincikan melalui penjelasan mengenai objektif, limitasi, metodologi dan pembentukan kerangka teoritikal serta konseptual kajian. Bab ini juga menyentuh signifikan kajian, definisi istilah dan sorotan kajian literatur terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Secara keseluruhan, kajian ini mengandungi lima bab utama. Penulisan bermula dengan pendahuluan, diikuti bab kedua yang akan membincangkan latar belakang Fawzia al-ʿAshmāwī. Seterusnya, bab ketiga akan menghuraikan kandungan buku *al-Mar'ah fī Khiṭāb al-Qurān*, manakala bab keempat akan menumpukan kepada analisis isu-isu ayat hukum wanita dalam karya tersebut. Kemudian, diakhiri dengan bab kelima yang memuatkan kesimpulan dan cadangan.

RUJUKAN

- Abd al-Ghani, Abu al-'Azm. 2013. *Mu'jam Al-Ghani*. al-Ribat: Mu'assasat al-Ghani li al-Nashr.
- Abdul Rahman, Muhammad 'Awad. 2003. 5 *Al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah*. 2nd ed. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abdul Rohman, Ghazi Abdullah Muttaqien, Faisal Hamad ALMonawer, Tigran Rumanian, & Mohammad Deik. 2024. Challenging the interpretation of the verse on hijab by m. quraish shihab: a critical analysis review. *QiST: Journal of Quran and Tafseer Studies* 3(2):192–215.
- Abdullah bin Muhammad Basmeih. 2022. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (Edisi Rumi Baharu)*. Muhammad Nor bin Haji Ibrahim (pnyt.). 1st ed. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Abu Hayyan, Muhammad bin Yusuf. 2000. 11 *Al-Bahr al-Muhit Fi al-Tafsir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Agung Wijaya, Ahmad Affandi Khaerul Fatihin, Ahmad Subhan Subhan, & Asep Abdul Muhyi. 2023. Islam dan penutup aurat: kajian tafsir maudhu'i tentang cadar, jilbab, dan burqa. *Journal of Society and Development* 3(2):71–86.
- Ahla Sofiyah, & Ashif Az Zafi. 2020. Hijab bagi wanita muslimah di era modern. *Ijtima'iyya: Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam* 13(1):89–102.
- Ahmad Handhalas Shamsuddin, Che Zarrina Sa'ari, & Mohd Syukri Zainal Abidin. 2024. Tasawwuf literature in the context of islamic education: a bibliometric study. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities* 21(3):177–94.
- Ahmad Mukhtar, 'Abd al-Hamid 'Umar. 2008. 4 *Mu'jam al-Lughat al-'Arabiyyah Al-Mu'asarah*. 1st ed. Cairo: 'Alam al-Kutub.
- al-Alusi, Abu al-Fadl Shihab al-Din Sayyid Mahmud. 1994. 16 *Ruh Al-Ma'Ani Fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim Wa al-Sab' al-Mathani*. 'Ali 'Abd al-Bari 'Atiyyah (pnyt.). 1st ed. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Amidi, Ali bin Muhammad. 1981. *Al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam*. 2nd ed. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husayn. 1992. *Al-Mufradat Fi Gharib al-Quran*. Safwan Adnan al-Dawudi (pnyt.). 1st ed. Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Azhari, Muhammad bin Ahmad. 2001. 8 *Tahdhib Al-Lughah*. Muhammad 'Awad Mur'ib (pnyt.). 1st ed. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

- al-Baihaqi, Abu Bakar. 2018. *Ahkam Quran Li Al-Shafii*. 1st ed. Kaherah: Dar Thakhair.
- al-Barkati, Muhammad Amim al-Ihsan al-Mujaddidi. 2003. *Al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah*. 1st ed. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 1993. *Sahih Al-Bukhari*. 5th ed. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 1986. *Al-Ittijahat al-Munharifah Fi Tafsir al-Quran al-Karim Dawafi'uha Wa Dafa'uha*. 3 (pnyt.). Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 1990. *Israiliyyat Fi Al-Tafsir Wa al-Hadith*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 2000. 1 *Al-Tafsir Wa al-Mufasssirun*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Fayyumi, Ahmad. 2021. *Al-Misbah Al-Munir Fi Gharib al-Sharah al-Kabir*. Ragib Abd al-Mutalib al-Shanawi (pnyt.). 2nd ed. Beirut: Maktabah Ilmiah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1982. 4 *Ihya' 'Ulum Al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Husayni, Abu Bakr ibn Muhammad. 1994. *Kifayah Al-Akhyar Fi Hal Ghayah al-Ikhtisar*. Ali 'Abd al-Hamid Bal'taji & Muhammad Wahbi Sulayman (pnyt.). 1st ed. Damsyik: Dar al-Khayr.
- al-Jassas, Abu Bakar Ahmad ibn Ali. 1992. *Ahkam Al-Quran*. 1st ed. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Khalidi, Salah Abd Fattah. 2008. *Ta'rif al-Darisin Bi Manahij al-Mufasssirin*. 3rd ed. Damsyik: Dar Qalam.
- al-Kiya al-Harrasi, Ali ibn Muhammad. 1982. *Ahkam Al-Quran*. 2nd ed. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Manzur, Muhammad. 1994. *Lisan Al-'Arab*. 3rd ed. Beirut: Dar Sadir.
- al-Muslim, Abu Husayn. 1955. *Sahih Muslim*. Kaherah: Maktabah Isa.
- al-Mutarrazi, Abu al-Fath Nasir al-Din. 1979. 2 *Al-Mughrib Fi Tartib al-Mu'rib*. Mahmud Fakhuri & 'Abd al-Hamid Mukhtar (pnyt.). Halab: Maktabat Usamah ibn Zayd.
- al-Muzani, Abu Ibrahim Ismail bin Yahya. 2019. 3 *Al-Mukhtasar Min 'Ilm al-Shafii Wa Min Ma'na Qawlihi*. 1st ed. Riyadh: Dar Madarij li al-Nashr.

- al-Nasa'i, Ahmad. 2018. *Al-Sunan al-Sughra*. 1st ed. Kaherah: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- al-Nawawi, Yahya. 1991. *Raudah Al-Talibin Wa 'Umdah al-Muftin*. 3rd ed. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Nawawi, Yahya. 1995. *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Jawatankuasa Ulama (pnyt.). 1st ed. Kaherah: Bayt Afkar al-Duwaliyya.
- al-Nawawi, Yahya. 2005. *Minhaj Al-Talibin Wa 'Umdat al-Muftin Fi al-Fiqh*. 'Awad Qasim Ahmad 'Awad (pnyt.). 1st ed. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qarafi, Ahmad bin Idris bin 'Abd al-Rahman. 2004. *Sharh Tanqih Al-Fusul*. 1st ed. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qattan, Manna' Khalil. 1995. *Mabahith Fi Ulum Al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad. 2006. 20 *Al-Jami' Li-Ahkam al-Quran*. Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfaysh (pnyt.). 2nd ed. Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Misriyyah.
- al-Ramli, Muhammad ibn Ahmad. 1984. 8 *Nihayat Al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Rumi, Fahd Ibn Abd Al-Rahman. 1995. *Buhuth Fi Usul Al-Tafsir Wa Al-Manahij*. Riyadh: Maktabah Al-Taubah.
- al-Sabt, Khalid. 1994. *Qawa'id Al-Tafsir*. Riyadh: Dar Ibn 'Affan.
- al-Sabt, Khalid. 2005. *Mukhtasar Fi Qawa'id Al-Tafsir*. 1st ed. Riyadh: Dar Ibn Affan.
- al-Sabuni, Muhammad Ali. 1997. *Safwah Al-Tafasir*. 1st ed. Kaherah: Dar Al-Sabuni.
- al-Sadiq al-Ghumari, 'Abd Allah Muhammad. 1986. *Bida' al-Tafasir*. 2nd ed. Maghribi: Dar Rashad al-Hadithah.
- al-Shafi'i, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Idris. 2009. 8 *Al-Umm*. 3rd ed. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. 1997. 20 *Tafsir Al-Sha'rawi*. Kaherah: Matabi' Akhbar al-Yawm.
- al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim ibn 'Ali ibn Yusuf. 1995. *Al-Muhadhdhab Fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. 3rd ed. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din Abdul Rahman bin Abi Bakr. 2002. *Lubab Al-Nuqul Fi Asbab al-Nuzul*. 7th ed. Beirut: Muassasat al-Kutub al-Thaqafiyah.

- al-Suyuti, Jalal al-Din Abdul Rahman bin Abi Bakr. 2019. *Al-Itqan Fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut: Resalah Publishers.
- al-Tabari, Abu Jafar Muhammad bin Jarir. 2001. 26 *Jami Al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Quran*. 1st ed. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub .
- al-Tirmidhi, Muhammad. 1975. *Jami' al-Tirmidhi*. 2nd ed. Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa.
- al-Uthaymin, Muhammad bin Salih. 2013. *Sharh Alfiyyah Ibn Malik*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- al-Zarkashi, Muhammad ibn Abdullah. 1994. 8 *Al-Bahr al-Muhit Fi Usul al-Fiqh*. 1st ed. Kaherah: Dar al-Kutbi.
- al-Zarkashi, Muhammad ibn Abdullah. 2014. *Al-Burhan Fi 'Ulum Al-Qur'an*. Beirut: Maktabah Al-'Asriyyah.
- al-Zuhayli, Wahbah ibn Mustafa. 2001. 3 *Al-Tafsir al-Wasit*. 1st ed. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah ibn Mustafa. 2006. 10 *Al-Fiqh al-Islami Wa Adilatuh*. 4th ed. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Amin Mukrimun, Moh. Faisal Aulia, Moch. Ridwan Almurtaqi, & Imam Muchlisin. 2023. Hijab according to the interpretation of quraish shihab and musthafa al-maraghi. *Al Fattah : Jurnal Pendidikan* 2(2):1–16.
- Amylia Fuziana, Azmi, Nor Laila, Ahmad, Mohamad Zaharuddin, Zakaria, Nik Salida Suhaila, Nik Saleh, & Mushaddad, Hasbullah. 2024. Unveiling the significance of proposing hibah as an alternative to nafkah security for widows. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 12(2):529–34.
- Andi Silva Quadsajul, Rihan Dwi Putri, Nur Ramadhani, & Kurniati Kurniati. 2025. Nusyuz suami dalam hukum islam : analisis dampak terhadap kehidupan keluarga. *Akhlaq : Jurnal Pendidikan Agama Islam dan Filsafat* 2(2):90–104.
- Atabik Luthfi. 2004. Penterjemahan dan pentafsiran al-quran di indonesia: kajian terhadap perkembangan metodologi dan penyelewengan pentafsiran. Tesis Dr. Fal, Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Council of Europe. 2016. *2016 Council of Europe Exchange on the Religious Dimension of Intercultural Dialogue: The Role of Education in the Prevention of Radicalisation Leading to Terrorism and Violent Extremism*. Strasbourg.

- E. Palmer, Richard. 1969. *Hermeneutics Interpretation Theory in Schleiermacher, Dilthey, Heidegger and Gadamer*. 4th ed. United States of America: Northwestern University Press.
- E. Sumaryono. 1993. *Hermeneutik Sebuah Metode Filsafat*. 1st ed. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Encyclopedia Britannica. 2002. *Encyclopedia Britannica*. 15th ed. Chicago: Encyclopedia Britannica, Inc.
- Erma Rahmawati, Fikri Abdul Aziz, & Gina Raudhatul Jannah. 2024. The phenomenon of the hijab wrapping tightly in the qur'an sunnah review and its comparison with the veil and burqa. *Bulletin of Islamic Research* 2(1):93–112.
- Fadl Hasan, Abbas. 2016. *Al-Tafsir Wa Al-Mufasssirun Fi Al-'Asri Al-Hadith*. 1st ed. Beirut: Dar Al-Nafais.
- Fakhr al-Din al-Razi, Abu Abd Allah Muhammad. 1981. 3 *Mafatih Al-Ghayb Wa Al-Tafsir al-Kabir*. 1st ed. Beirut: Dar al-Fikr.
- Fatkul Chodir. 2019. Tafsir hermeneutika nasr hamid abu zayd. *SCHOLASTICA: Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan* 1(1):200–212.
- Fawzia al-'Ashmawi. 2021. *Al-Mar'ah Fi al-Khitab al-Quran*. 2nd ed. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Hidayatul Sakinah Mohd Zulkifli, Rafeah Saidon, & Azhar Abd Aziz. 2021. Perkahwinan jarak jauh dalam kalangan masyarakat islam di malaysia menurut perspektif fiqh dan undang- undang keluarga islam. *Journal of Fatwa Management and Research* 26(2):211–26.
- Husin Abdul Wahab. 1998. Penyelewengan tafsir al-quran dalam ajaran abdul majid tumpuan utama kepada kitab bolong. Tesis Sarjana, Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn al-Arabi, al-Qadi Muhammad bin Abdullah Abu Bak. 2003. 4 *Ahkam al Quran*. 3rd ed. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Ashur, Muhammad Tahir. 1984. *Tafsir Ibn Ashur Al-Tahrir Wa Al-Tanwir*. Tunis: Dar Al-Tunisiyyah.
- Ibn Faris, Abu al Husayn Ahmad bin Zakariya. 1999. 6 *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. 2nd ed. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, Ali bin Ahmad. 2003. *Al-Muhalla Bi al-Athar*. 3rd ed. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Ibn Hisham, Abu Muhammad Jamal al-Din 'Abd Allah. 1985. *Mughni Al-Labib 'an Kutub al-A'arib*. Mazin al-Mubarak & Muhammad 'Ali Hamd Allah (pnyt.). 6th ed. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abu Isma'il Ibn Umar. 1998. 9 *Tafsir Al-Qur'an al-'Azim*. Muhammad Husayn Shams al-Din (pnyt.). 1st ed. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman ibn Muhammad. 2004. 2 *Muqaddimah Ibn Khaldun*. 1st ed. Damsyik: Dar al-Yamamah li al-Bahth wa al-Tarjamah.
- Ibn Malik, Muhammad bin Abdullah. 2021. *Al-Khulasah Fi al-Nahw Alfiyyah Ibn Malik*. 4th ed. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad. 1969. 10 *Al-Mughni*. Taha al-Zayni, Mahmoud Abd al-Wahhab Fayid, Abd al-Qadir Ata, & Mahmoud Ghanim Ghayth (pnyt.). 1st ed. Kaherah: Maktabah al-Kaherah.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad Ibn Abd Halim. 2004. *Majmu' Al-Fatawa*. Al-Madinah Al-Munawwarah: Majma' Al-Malik Fahd Li Tiba'ah Al-Mushaf Al-Sharif.
- Ibrahim Abd Rahman, Muhammad Khalifah. 2018. *Al-Dakhil Fi al-Tafsir*. 'Abd al-Ghani al-'Auri 'Abdul al-Fatah & Muhammad Abu 'Asl Muhammad Salim (pnyt.). 1st ed. Kaherah: Maktabah al-Iman.
- Ibrahim Mustafa, Hamid Abd Al-Qadir, Ahmad Hasan Al-Ziyat, & Muhammad Ali Al-Najar. 2004. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. 4th ed. Kaherah: Maktabah Al-Shuruq Al-Dauliyyah.
- Idris, Awang. 2009. *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. 1st ed. Rawang: Sri Elila Resources.
- Isam, al-Abd Zuhd, & Jamal Mahmud. 1999. *Al-Tafsir Wa Manahij al-Mufassirin*. 3rd ed. Gaza: Al-Jamiah al-Islamiyah.
- Jamal Mustafa, 'Abd al-Hamid 'Abd Wahab. 2007. *Usul Al-Dakhil Fi Tafsir Ay al-Tanzil*. 4th ed. Kaherah: Kuliah Usul al-Din.
- Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. 2016. *Kompilasi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya.
- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam. 2006. 45 *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Kuwait: Wizarah Al-Awqaf Al-Shuun Al-Islamiyyah.
- Khalid, Abd al-Rahman al-'Akk. 1986. *Usul Al-Tafsir Wa Qawa'iduh*. 2nd ed. Beirut: Dar al-Nafa'is.

- Khalif Muammar, A. Harris. 2018. Islam dan liberalisme: antara masalah dan mafsadah. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 20(2):1–52.
- Kresbinol Labobar. 2017. *Dasar-Dasar Hermeneutik Metode Penafsiran AlKitab Yang Mudah Dan Tepat*. 1st ed. Yogyakarta: Penerbit Andi.
- Lathifatul Asna, & Nasihun Amin. 2022. Hermeneutics of reception by hans robert jauss: an alternative approach toward quranic studies. *International Journal Ihya' 'Ulum al-Din* 24(2):160–71.
- Luqman Hakim Syahbudin, Muhammad Rasydan Junuh, & Muhammad Safwan Harun. 2022. Analisis pendekatan maqāṣid al-syari'ah menurut liberal dalam wacana hukum islam. *Journal of Muwafaqat* 5(2):135–52.
- M. Nurdin, Zuhdi. 2012. Hermeneutika al-qur'an: tipologi tafsir sebagai solusi dalam memecahkan isu-isu budaya lokal keindonesiaann. *ESENSIA: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin* 13(2):241–62.
- Moh. Nailul, Muna. 2021. The issue of unveiling the aurah for women in quran. a critical and contextual analysis of surah al-nūr [24]: 58-61). *Jurnal Ushuluddin* 29(2):108.
- Monika Munirah, Abd Razzak, Nurul Afifah Elias, & Nik Mohd Zaim, Ab. Rahim. 2022. Isu penyelewengan tafsiran ayat al-quran oleh samina ali dalam saluran tedxtalk. *Al-Bayan: Journal of Quran and Hadith Studies* 20(3):447–75.
- Mubaidi, Sulaeman. 2020. Pemikiran hermeneutika al-qur'an hasan hanafi dalam studi al-qur'an di indonesia. *Salimiya: Jurnal Studi Ilmu Keagamaan Islam* 1(2):1–26.
- Muhamad Zaidi, Zakaria, Ibrahim, Abdullah, & Muhammad Luqman Ibnul Hakim, Mohd Saad. 2019. Ayat tanya dalam al-quran: satu analisis pragmatik (the question form sentences in al-quran: a pragmatics analysis). *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities* 16(6):1–884.
- Muhammad Ali Taib. 2005. *Al-Mu'tamad Fi Usul Al-Fiqh*. 1st ed. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad Daffa, Abhirama, & Nayla Raisya, Amanda. 2024. Islam, cadar, jilbab dan burqa menurut perspektif al-qur'an. *An-Najah: Jurnal Pendidikan Islam dan Sosial Keagamaan* 3(4):1–10.
- Muhammad Padlan, Muhammad Naufal, Khairi, & Rahmat I. 2022. Hermeneutika terhadap tafsir al-qur'an. *Mushaf Journal: Jurnal Ilmu Al Quran dan Hadis* 2(2):190–202.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. 2013. *Kubra Al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.

- Muhammad Salih, Ahmad. 2013. *Usul Fiqh Qawa'id Fiqhiyyah*. 5th ed. Kuala Lumpur: Percetakan Zafa Sdn Bhd.
- Muhammad Sayyid Tantawi. 1998. *Al-Tafsir al-Wasit Li al-Qur'an al-Karim*. 1st ed. Kaherah: Dar Nahdat Misr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Muhammad Siddiq Khan, Hasan. 1992. *Fath Al-Bayan Fi Maqasid Al-Quran*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Muhibudin, Hasan. 2004. Tafsir jaringan islam liberal (jil) : satu kajian analisis metodologi dan penyelewengan tafsir jaringan islam liberal (jil) di indonesia. Tesis Sarjana, Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa al-Ghalayyini, Muhammad Salim. 1993. *Jami' Al-Durus al-'Arabiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, & Ali al-Sharbaji. 1992. 8 *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. 4th ed. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. 2023. Hukum Menerbit Dan Mengedar Terjemahan al-Quran Tanpa Teks Asal al-Quran. *Pandangan Hukum Muzakarah MKI Kali ke-110*. <https://i-fiqh.islam.gov.my/portal/view.php?id=16845>.
- Nina Inayatul Maula. 2022. Penafsiran imad zaki al-barudi tentang berjilbab bagi perempuan dalam islam (analisa terhadap ayat-ayat tentang berjilbab dalam tafsir al-qur'an wanita karya imad zaki al-barudi). *Jurnal Riset Agama* 2(1):181–99.
- Ning Ratna Sinta Dewi. 2022. Liberalisme dalam pemikiran islam. *Abrahamic Religions: Jurnal Studi Agama-Agama* 2(2):186.
- Nizaita Omar, & Zulkifli Muda. 2013. Fenomena penyelewengan dalam pentafsiran ayat al-quran di malaysia. Dlm. Nizaita Omar, Suraya Sintang, & Saini Ag. Damit (pnyt.). *Wacana Kontemporari Islam*, hlm. 27–42. Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Nur Izzah Islamy, & Ahmad Fadly Rahman Akbar. 2024. Hijab in the qur'an and the contemporary context (double movement theory analysis). *Transformatif* 8(1):33–42.
- Nur Zainatul Nadra Zainol, & Latifah Abdul Majid. 2012. Sejarah perkembangan tafsir pada zaman rasulullah saw, sahabat dan tabiin. *Journal of Techno-Social* 4(2):41–54.
- Nur Zainatul Nadra Zainol, & Latifah Abdul Majid. 2018. Kajian terhadap sumber rujukan dalam karya-karya nasr hamid abu zayd. Dlm. *Prosiding*

Persidangan Antarabangsa Nilai Sejahtera dan Warisan Ketamadunan Islam (PASAK 2017), Selangor, Malaysia: Universiti Islam Selangor (UIS).

- Pelajar Pusat Kelestarian Turath Islami. 2018. Prosiding seminar penyelewengan dalam tafsir al-quran 2018. Dlm. Haziyah Hussin & Nor Syamimi Mohd (pnyt.). Bangi, Selangor, Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmat Ramadhan. 2021. Analisis kompilasi hukum islam pasal 84 tentang nusyuz istri perspektif mazhab hanafi dan mazhab syafi'i. *Comparativa: Jurnal Ilmiah Perbandingan Mazhab dan Hukum* 2(1):54–73.
- Rajab, 'Abdul Jawad. 2002. *Al-Mu'jam al-'Arabi Li Asma al-Malabis*. 1st ed. Kaherah: Dar al-Afaq al-'Arabiyyah.
- Salmiah Jabbar, Nor Azizah Abu Bakar, Noresah Baharom, & Fadilah Jasmani. 2021. *Kamus Dewan Perdana*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Qutb, Ibrahim Husayn. 2000. 11 *Tafsir Fi Zilal Al-Quran Di Bawah Bayangan Al-Quran*. Pertama. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Sa'di Abu Jayb. 1988. *Al-Qamus al-Fiqhi: Lughatan Wa Istilahan*. 2nd ed. Damsyiq : Dar al-Fikr.
- Setio Budi. 2022. Menakar ulang hermeneutika al-quran: kritik atas pemikiran muhammad arkoun. *Substantia: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin* 24(1):16.
- Shahidatul Ashikin Shahrar, Najah Nadiah Amran, & Latifah Abdul Majid. 2021. Bidang jihad bagi wanita menurut perspektif amina wadud. *Al-Turath Journal of al-Quran and al-Sunnah* 6(1):10–17.
- Shazazierra, Sharif. 2018. Manhaj mufassirin dalam membincangkan penyelewengan pentafsiran al-quran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sisi Amaliah, Nurrohim, Siti Anisah, Rafidah, & Yudha Putra, Seffi. 2024. Pemahaman jilbab, cadar, dan burqa dalam al-qur'an: analisis tafsir maudhu'i. *Jurnal Pendidikan Islam dan Sosial Keagamaan* 3(4):85–102.
- Siti Jalilah Ahmad, & Wan Fariza Alyati, Wan Zakaria. 2022. Wacana humanisme pada abad pertengahan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1):132–41.
- Suansar Khatib. 2018. Konsep maqashid al-syari'ah: perbandingan antara pemikiran al-ghazali dan al-syathibi. *Jurnal Ilmiah Mizani: Wacana Hukum, Ekonomi Dan Keagamaan* 5(1):.
- Syarifah, Alawiyah, Budi, Handrianto, & Imas, Kania Rahman. 2020. Adab berpakaian wanita muslimah sesuai tuntunan syariat islam. *Rayah Al-Islam* 4(02):218–28.

- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2021. *Islam Dan Sekularisme*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah.
- Tahir Mahmud, Muhammad Ya'kub. 2004. 1 *Asbab Al-Khata Fi al-Tafsir Dirasah Ta'siliyyah*. 1st ed. Riyadh: Dar Ibn Jauzi.
- Tengku Intan Zarina, Tengku Puji. 2013. Kritikan islam liberal terhadap pentafsiran al-quran: tumpuan kajian terhadap beberapa isu dalam 'Ulum al-quran. Universiti Malaya.
- Tengku Intan Zarina, Tengku Puji, & Mazlan, Ibrahim. 2017. *Penyelewengan Dalam Tafsir Al-Quran*. 2nd ed. Bangi: UKM Cetak Sdn Bhd.
- Tengku Intan Zarina, Tengku Puji, & Muhd. Najib, Abdul Kadir. 2013. Kritikan muslim liberal terhadap ulum al-qur'an: suatu kecenderungan baru dalam tafsiran al-qur'an. *Islamiyyat* 35(2):83–88.
- Tengku Puji, Tengku Intan, & Mohd Yusoff, Zulkifli. 2009. Pandangan muslim liberal terhadap ilmu tafsir: satu analisis kritis. *Al-Bayan: Journal of al-Quran and al-Hadith* 7:1–14.
- Ugi Suharto. 2003. Apakah al-qur'an memerlukan hermeneutik. *Jurnal Tarjih Dan Pengembangan Pemikiran Islam* 6(1):20–31.
- Wahidatul Hannan, Nazari, & Razali, Musa. 2022. Gender equality according to muslim feminists kesetaraan gender menurut golongan feminis muslim. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 7(45):1–9.
- Yusuf al-Qaradhawi. 2000. *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Quran al-Azim*. 3rd ed. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- al Zamakhshari, Mahmud ibn Umar. 1998. 4 *Al-Kashshaf 'an Haqaiq Ghawamid al-Tanzil Wa 'Uyun al-Aqawil Fi Wujuh al-Tawil*. 1st ed. Arab Saudi: Maktabat al-Ubaykan.